

PARLIMEN MALAYSIA

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUABELAS
2008

JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA KEMENTERIAN

ISNIN: 5 MEI 2008

CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.
Sidek jwp kem.08

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN (SOALAN NO. 9 HINGGA 69)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 8 [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

JAWAPAN YANG TERKINI

BPK, MOA

SOALAN NO: 9

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **Lisan**

DARIPADA : **Dato' Wira Ahmad Bin Hamzah [Jasin]**

TARIKH : **5 Mei 2008**

SOALAN : **Dato' Wira Ahmad bin Hamzah [Jasin]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:-

(a) sama ada telah menyediakan "blue print" dasar pertanian negara yang baru supaya ia sejajar dengan perancangan pembangunan koridor.

(b) mengenai pengumuman YAB Perdana Menteri bahawa Sarawak akan menjadi jelapang padi kedua selepas Kedah. Sudahkah pihak Kementerian mengenalpasti keluasan, kesesuaian guna tanah dan iklim.

JAWAPAN:

Menjawab Soalan (a)

Tuan Yang DiPertua,

Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) telah digubal untuk tempoh 1998 hingga 2010 dengan objektif utama untuk memaksimumkan pendapatan melalui penggunaan sumber secara optimum dalam sektor pertanian. Secara khusus objektif DPN3 adalah:-

i. meningkatkan sekuriti makanan;
ii. meningkatkan produktiviti dan daya saing sektor pertanian;
iii. meningkatkan lagi rantaian dengan sektor lain;
iv. mewujudkan sumber pertumbuhan yang baru bagi sektor pertanian; dan
v. memulihara dan menggunakan sumber semula jadi secara mapan.

Tuan Yang Dipertua,

Dalam Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMKe 9), sektor pertanian dipergiatkan semula untuk menjadi jentera pertumbuhan ekonomi ke tiga. Penekanan diberikan kepada pertanian baru yang melibatkan pertanian komersial, berskala besar, penggunaan teknologi moden yang lebih meluas, pengeluaran yang berkualiti dan mempunyai nilai di tambah yang tinggi, memanfaatkan sepenuhnya potensi dalam bioteknologi, penggabungan dengan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan penglibatan usahawan tani dan tenaga kerja mahir. Fungsi agensi pertanian diselaraskan bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan dan kecekapan.

Tuan Yang DiPertua

Pembangunan wilayah-wilayah ekonomi seperti Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), Wilayah Ekonomi Koridor Pantai Timur (ECER), Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI), Wilayah Ekonomi Koridor Sabah dan Wilayah Ekonomi Koridor Sarawak diwujudkan bagi mempercepatkan pertumbuhan wilayah yang, dengan izin, "*viable, equitable and sustainable manner*". Pelan Induk Pembangunan Wilayah tersebut akan memberi fokus antara lain kepada kluster sektor pertanian.

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan Dasar Jaminan Bekalan Makanan yang telah diumumkan pada 2 Mei 2008 dengan 2 tujuan utama iaitu menambah bekalan makanan dan meningkatkan pengeluaran dan produktiviti sektor agro makanan.

Di bawah Dasar ini sebanyak RM2.490 bilion telah diperuntukkan bagi melaksanakan beberapa langkah seperti yang berikut:-

i. peningkatan pengeluaran beras dimana pengeluaran beras akan dipertingkatkan;

ii. pengwujudan Stok Penimbal di mana stok bekalan akan ditingkatkan untuk tempoh tiga (3) bulan;

iii. program meningkatkan pengeluaran dan produktiviti bagi sektor tanaman, ternakan dan perikanan;

iv. pemberian insentif kepada pengusaha-pengusaha pertanian;

v. Mengukuhkan FAMA bagi memastikan pasaran dan pengagihan hasil-hasil pertanian;

vi. Pelaksanaan Program Bumi Hijau; dan

vii. Pengurusan kawasan terbiar untuk meningkatkan pengeluaran komoditi sekuriti.

Sehubungan itu, kerajaan berpendapat bahawa adalah tidak perlu lagi buat masa kini untuk menyediakan "blue print" dasar pertanian negara yang baru memandangkan dasar-dasar yang sedia ada masih lagi relevan.

Soalan (b)

(b) mengenai pengumuman YAB Perdana Menteri bahawa Sarawak akan menjadi jelapang padi kedua selepas Kedah. Sudahkah pihak Kementerian mengenalpasti keluasan, kesesuaian guna tanah dan iklim.

JAWAPAN

Menjawab Soalan (b)

Dalam Lawatan YAB Perdana Menteri ke Sarawak pada 4 April 2008, beliau telah mengumumkan bahawa Negeri Sarawak akan dijadikan kawasan jelapang padi kedua negara. Susulan daripada itu, saya telah mengadakan satu lawatan ke Mukah, Sarawak pada 26 April 2008 dan telah melawat beberapa kawasan penanaman padi di Sungai Tulai, Sungai Tekap, Paloh, Daro, Pulau Bruit dan Bundong Sian. Saya juga telah menerima taklimat terperinci mengenai kawasan yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai jelapang padi di Sarawak dan telah berbincang bersama YAB Ketua Menteri dan Timbalan-Timbalan Ketua Menteri mengenai hal ini. Buat masa ini, terdapat 8 jelapang padi iaitu MADA, KADA, IADA Kerian Sg. Manik, Seberang Perak, Barat Laut Selangor, Pulau Pinang, Kemasin Semerak, KETARA, dan akan ditambahkan dua (2) lagi jelapang iaitu di Sarawak dan Sabah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	Y. B. TUAN LOKE SIEW FOOK (RASAH)
TARIKH	:	5 MEI 2008 (ISNIN)

SOALAN :

Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK (RASAH) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan nama semua projek perumahan terbengkalai di Negeri Sembilan setakat ini, jumlah pembeli terlibat, jumlah kerugian dan sejauh manakah langkah-langkah telah diambil oleh Kementerian untuk memulihkan projek-projek tersebut.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bukanlah agensi yang mengambil alih dan menyiapkan projek perumahan terbengkalai. KPKT hanya membantu dan berperanan lebih sebagai pemudahcara atau fasilitator seperti menyelaraskan mesyuarat dengan semua pihak yang berkepentingan dalam usaha untuk mencari kaedah terbaik bagi memulihkan projek perumahan terbengkalai.

Dari tahun 1990 sehingga 2007 terdapat sebanyak 29 projek perumahan terbengkalai di Negeri Sembilan yang melibatkan 5291 unit rumah, 2815 pembeli dan nilai jualan berjumlah RM277.0 juta.

Daripada keseluruhan projek perumahan terbengkalai di Negeri Sembilan, melalui usaha-usaha KPKT selaku pemudahcara sebanyak 8 projek telah siap dengan Sijil Layak Menduduki dan 4 projek sedang dipulihkan manakala baki 17 projek masih terbengkalai di mana masih dalam peringkat kajian kemungkinan.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Mei 2008

SOALAN NO: 11

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL RAHMAN

TARIKH : 5 MEI 2008

SOALAN:

Y.B. DATUK HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL RAHMAN [Pasir Salak] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan apakah program-program yang telah dan sedang dilaksanakan untuk mengatasi masalah pengangguran dan separuh menganggur *(unemployment and under-employment)* di kalangan tenaga manusia di luar bandar.

PR-1211-L12540

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kadar pengangguran negara pada tahun 2007 ialah 3.2% berbanding dengan 3.3% pada tahun 2006. Pengangguran di negara ini berlaku kerana beberapa sebab antaranya adalah kerana pencari kerja tidak memiliki kemahiran dan kelayakan yang diperlukan oleh majikan, sikap terlalu memilih kerja, kurang berminat bekerja di luar / jauh dari tempat tinggal, mementingkan tawaran gaji yang tinggi dan sebagainya.

Dalam usaha untuk mengatasi masalah pengangguran, pelbagai program telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM) di antaranya adalah seperti berikut:

a) Mengedarkan maklumat mengenai Karnival Pekerjaan yang akan diadakan dan kekosongan jawatan yang ditawarkan oleh majikan sama ada secara manual atau melalui sistem *on-line* Bursa Buruh Elektronik (ELX). Kekosongan jawatan tersebut disebarkan ke pejabat-pejabat daerah, balai raya, masjid, surau, balai penghulu agar maklumat ini sampai kepada

kumpulan sasaran termasuk yang berada di luar bandar. KSM akan memperluaskan lagi edarannya ke lokasi strategik yang menjadi tumpuan kumpulan sasaran agar maklumat mengenai kekosongan dapat di manfaat oleh pencari kerja.

b) KSM akan juga melaksanakan kaedah pemadanan pekerjaan yang lebih fleksibel *(job matching)* di mana penjodohan pekerjaan akan dilakukan berdasarkan kelulusan yang dimiliki pencari kerja dengan jawatan yang ditawarkan kerana terdapat pencari kerja memohon jawatan lebih tinggi daripada kelayakan yang disyaratkan majikan. Kaedah ini dapat memberi peluang yang lebih luas kepada pencari kerja untuk mengisi kekosongan jawatan yang ditawarkan. Melalui kaedah ini, masalah *mismatch* juga dapat dikurangkan.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi makluman Dewan yang mulia ini, melalui program Karnival Pekerjaan dan pendaftaran *online* di bawah ELX, KSM telah berjaya mendapatkan pekerjaan bagi 22,031 calon dalam tahun 2006, 30,906 calon tahun 2007 dan 10,863 calon tahun 2008 (sehingga akhir April 2008). Bilangan yang sebenar yang berjaya memperoleh pekerjaan *(job placement)* adalah lebih tinggi sekiranya calon-calon berjaya mendapatkan pekerjaan melaporkan kepada Jabatan Tenaga Kerja.

Setiap tahun KSM mengadakan tidak kurang 13 Karnival Pekerjaan di peringkat negeri dan 95 Mini Karnival Pekerjaan di peringkat daerah di mana penyertaan daripada majikan amat menggalakkan iaitu secara purata 40 majikan menyertai di peringkat negeri dan antara 5 hingga 10 majikan di peringkat daerah. Di antara pengisian program adalah pendaftaran pencari kerja, temuduga pekerjaan, tawaran pekerjaan secara langsung, ceramah dan kaunseling kerjaya.

Di samping itu, Kementerian juga sedang membina 9 buah institusi latihan kemahiran di bawah RMKe-9 sebagai tambahan kepada 27 buah institusi latihan sedia ada bagi meningkatkan peluang latihan kemahiran kepada rakyat tempatan.

Bagi memastikan kebolehpekerjaan (*employability*) dan latihan memenuhi keperluan industri (*industry driven*), Kementerian telah melaksanakan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) di mana latihan dijalankan di industri melalui skim perantisan. Sehingga kini seramai 3,060 orang perantis sedang mengikuti SLDN dan Kementerian mensasarkan untuk melatih seramai 31,500 perantis menjelang 2010. Melalui pendekatan SLDN, peluang pekerjaan kepada perantis adalah lebih terjamin.

Kementerian melalui Perbadanan Sumber Manusia Berhad (PSMB), pernah melaksanakan program Skim Latihan Graduan (SLG I, II dan III) pada tahun 2001 hingga 2006 di mana 60.4 % hingga 74.0% graduan yang mengikuti latihan berkenaan berjaya mendapat pekerjaan dalam tempoh 6 bulan mereka menamatkan latihan.

Kementerian juga telah dan sedang berusaha untuk menerapkan nilai-nilai kerja positif di kalangan rakyat tempatan, untuk mengubah persepsi dan komitmen mereka terhadap pekerjaan, melalui pelbagai program seperti ceramah kerjaya semasa Karnival Pekerjaan, kaunseling kerjaya dan modul nilai-nilai kerja positif di institusi latihan kemahiran.

DR 7/5/08

NO. SOALAN: 12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR (TUMPAT)

TARIKH : 5 MEI 2008

SOALAN :

Y.B. Dato' Kamarudin Bin Jaffar (Tumpat) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jangkaan perolehan PETRONAS untuk tahun 2007 mengikut pecahan berikut:-

(a) dalam Malaysia (Semenanjung, Sabah dan Sarawak); dan

(b) luar Malaysia

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PETRONAS tidak membuat jangkaan mengenai perolehannya. Maklumat perolehan PETRONAS yang terkini adalah berdasarkan kepada akaun yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2007. Perolehan Kumpulan PETRONAS, dengan izin, PETRONAS Group, untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2007 adalah RM184.1 bilion. Daripada jumlah tersebut, perolehan dalam negeri adalah sebanyak RM116.5 bilion manakala perolehan dari luar Malaysia sebanyak RM67.6 bilion.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perolehan Kumpulan PETRONAS tidak dikategorikan mengikut negeri tetapi sebaliknya

disediakan berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia dan mengikut peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 1965.

No. Soalan: 213

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' MOHD. NASIR BIN IBRAHIM FIKIR**

TARIKH : **5 MEI 2008**

DATO' MOHD. NASIR BIN IBRAHIM FIKIR [KUALA NERUS] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan kejayaan dan kegagalan dalam usaha Kementerian untuk meningkatkan jumlah usahawan Bumiputera.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) bertanggungjawab dalam membangunkan usahawan Bumiputera dalam pelbagai bidang dan industri selaras dengan hasrat mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB). Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), MECD mensasar untuk melahirkan seramai **150,000 usahawan baru** dalam pelbagai bidang di samping meningkatkan keupayaan dan kapasiti **25,000 enterpris sedia ada.**

Selepas dua (2) tahun pelaksanaan RMKe-9 [2006-2007], MECD telah berjaya mewujudkan seramai **67,533 usahawan Bumiputera** atau **45 peratus** daripada sasaran yang ditetapkan melalui pelbagai program di bawah MECD seperti pembudayaan dan khidmat nasihat; latihan keusahawanan;

pembangunan perniagaan; pembiayaan dan pewujudan peluang-peluang perniagaan. Usahawan-usahawan ini terlibat dalam pelbagai sektor ekonomi seperti sektor perkhidmatan, pembuatan, pelancongan, pembinaan dan pertanian.

Sementara itu, sebanyak **10,618 enterpris sedia ada** atau **42.5 peratus** daripada sasaran RMKe-9 telah berjaya dimantapkan oleh MECD. Melalui program-program pemantapan seperti *Groom Big*; peningkatan kualiti produk; menaik taraf lesen atau kelas untuk usahawan pengangkutan dan pembinaan; serta promosi dan pemasaran, keupayaan dan kapasiti enterpris sedia ada direkayasa (*re-branding*) dan dipertingkatkan sehingga ada di antara enterpris-enterpris ini mampu menembusi pasaran global.

Jika dilihat daripada sumbangan usahawan dan koperasi yang dibangunkan oleh MECD terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), program-program pembangunan usahawan dan koperasi MECD telah berjaya membangunkan usahawan-usahawan dan koperasi-koperasi sehingga mampu **menjana aset sebanyak RM72.76 bilion** atau **14.4 peratus daripada KDNK pada tahun 2007**. Jumlah ini adalah lebih tinggi berbanding tahun 2006 di mana usahawan-usahawan dan koperasi-koperasi di bawah MECD hanya menyumbang sebanyak RM64.81 bilion atau 13.6 peratus daripada KDNK.

Tuan Yang Dipertua,

MECD tidak menafikan bahawa terdapat usahawan yang gagal bertahan seterusnya menjejaskan di dalam usaha membangunkan usahawan dan koperasi di negara ini. Antara isu atau masalah yang timbul terhadap kegagalan usahawan adalah berikut:

i. kebergantungan berlebihan usahawan terhadap Kerajaan;

ii. kelemahan usahawan terutamanya Bumiputera dalam menguasai rantaian nilai;

iii. kekangan dari segi pengalaman yang diperlukan untuk kekal dalam perniagaan;

iv. penglibatan yang tidak aktif usahawan dalam pasaran dan cenderung menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan walaupun mempunyai daya saing yang tinggi;

v. kesukaran memperolehi modal dalam melaksanakan perniagaan yang berskala besar;

vi. kekurangan daya saing dalam persekitaran ekonomi semasa yang lebih liberal dan global;

vii. pembukaan pasaran ekonomi baru di luar dari Malaysia yang lebih kondusif dan kos yang efektif seperti penawaran tenaga kerja yang lebih murah dan berkebolehan tinggi seperti di China, India dan Vietnam; dan

viii. isu pelaksanaan dan penyampaian dalam mamastikan program pembangunan sampai ke peringkat akar umbi.

Dalam mengatasi isu dan masalah ini, pelbagai langkah di ambil oleh Kementerian dalam memastikan usahawan mampu berdaya tahan, berdaya saing dan berdaya maju diantaranya adalah:

i. mempermudahkan barangan usahawan untuk memasuki gedung perniagaan besar;

ii. memantapkan keupayaan instituisi pembiayaan di bawah MECD bagi menjadikan instituisi ini sebagai bank yang 'mesra pelanggan';

iii. memberi kemudahan kepada usahawan dan meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan;

iv. mengadakan lebih banyak program promosi dan pemasaran di luar negara;

v. mengadakan peluang kepada usahawan dalam meningkatkan ilmu keusahawanan;

vi. mewujudkan agen-agen pemasar di luar negara bagi membolehkan produk usahawan tempatan menembusi pasaran global;

vii. menggalakkan jaringan di kalangan usahawan dan koperasi untuk membentuk satu pakatan strategik bagi menembusi pasaran yang lebih luas;

viii. meningkatkan sistem penyampaian sedia ada dengan mempermudahkan setiap kemudahan yang ada di bawah Kementerian melalui pemerkasaan Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya; dan

ix. mewujudkan sistem pemantauan di peringkat daerah melalui Majlis Pembangunan Usahawan Daerah (MPUD) bagi memastikan pelaksanaan program-program pembangunan usahawan dan koperasi dapat dinikmati di peringkat akar umbi.

Disediakan oleh : **KPSU (RN)1 / PSU (RN) 2** 18/4/08

Sabarudin Bin Salleh / Mohd Shukur Bin Khalid

03-8880 5192 / 03-8880 5187

019-266 3890 / 019-2755801

Disemak Oleh : **PENGARAH (RN)** 18/04/08

Hj. Zakaria Bin Jaafar

03-8880 5220

016-383 6495

Dipersetujui Oleh : **TKSU (U)** 18/4/08.

Diluluskan Oleh : **KSU** 28/4/08.

SOALAN NO : 14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN (SEPANGGAR)**
TARIKH	:	**5 MEI 2008**
SOALAN	:	**823**

Y.B. Datuk Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah peruntukan undang-undang Pendaftaran Negara bagi penduduk di Sabah yang lewat daftar kelahiran serta proses pendaftaran kad pengenalan khasnya yang tidak memiliki sijil kelahiran.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Sepanggar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Undang-undang Pendaftaran Kelahiran dan Kematian bagi negeri Sabah ialah Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian Sabah (*Chapter 123*) yang dikuatkuasakan pada tahun 1951. Peruntukan berhubung daftar lewat kelahiran dinyatakan di bawah Seksyen 22 ordinan tersebut iaitu pendaftaran kelahiran selepas empat puluh dua hari (42 hari) selepas tarikh kelahiran kanak-kanak tersebut.

Manakala bagi permohonan kad pengenalan pula undang-undang yang digunakan ialah Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990. Sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan ini, permohonan kad pengenalan adalah berasaskan kepada sijil kelahiran yang dimiliki oleh pemohon. Walau bagaimanapun bagi mereka yang tidak memiliki sijil kelahiran, permohonan kad pengenalan adalah berdasarkan kepada Sijil Warganegara, Sijil Pengesahan Taraf Kewarganegaraan serta dokumen permit masuk.

SOALAN NO. 15

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN (KULIM BANDAR BARU)**

TARIKH : **5 MEI 2008**

SOALAN :

Y.B. Tuan Zulkifli Bin Nordin (Kulim Bandar Baru) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

(a) berapakah emolumen/gaji/elaun yang dibayar kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Penasihat PETRONAS; dan

(b) apakah kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada Tun dalam kapasiti tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

(a) Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad dibayar elaun sebanyak RM15,000 sebulan di atas kapasiti sebagai Penasihat PETRONAS; dan

(b) Beliau juga menerima kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh PETRONAS seperti ruang pejabat, bilik mesyuarat dan kemudahan logistik yang lain.

SOALAN NO : 16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN HENRY SUM AGONG**
		[LAWAS]
TARIKH	:	**5 MEI 2008**
SOALAN	:	

Tuan Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada pelaksanaan bangunan Hospital Daerah Lawas yang baru dijalankan mengikut jadual.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sememangnya telah merancang untuk melaksanakan pembinaan Hospital Baru Lawas yang dijangka akan dimulakan sebelum akhir tahun 2008 ini.

No. Soalan : 17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATUK IR. EDMUND CHONG KET WAH**
TARIKH : **5 MEI 2008**

SOALAN :

Datuk Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan bilakah pendaftaran bagi lesen 'F' PKK dibuka semula kepada golongan belia dan usahawan baru.

JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan belum lagi bercadang untuk membuka semula pendaftaran kontraktor kelas F termasuk kepada golongan belia dan usahawan baru. Ini adalah kerana Kementerian sedang mengkaji kedudukan kelas F dari semua aspek termasuk bilangan kontraktor, peluang-peluang kerja, pendaftaran bertindih dan mengambil langkah-langkah untuk memantapkan Kualiti perkhidmatan dan mengurangkan ketirisan.

Sehubungan itu, usaha-usaha untuk memantapkan kontraktor kelas F sedang dilaksanakan bagi memastikan hanya kontraktor yang tulen dan berwibawa sahaja berada di dalam industri binaan negara. Walau bagaimanapun, golongan belia dan usahawan baru boleh mendaftar di dalam kelas-kelas yang lebih tinggi seperti kelas E, D, C, B atau A.

SOALAN NO: 1

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU [TELOK INTAN]**
TARIKH	:	**5 MEI 2008**
RUJUKAN	:	**824**

Soalan: 18

Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dan pihak polis untuk menangani masalah jenayah. Mengapa masalah jenayah yang semakin menjadi-jadi tidak dapat diatasi.

Tuan Yang Dipertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan-soalan dari Ahli Yang Berhormat Labis bertarikh 5 Mei 2008 dan Ahli Yang Berhormat Ampang bertarikh 6 Mei 2008 kerana ia mengenai perkara yang sama. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri telah mengambil tindakan-tindakan seperti meningkatkan *police presence* dengan penambahan keanggotaan dan memperbanyakkan rondaan; memperluaskan kerjasama dengan agensi-agensi lain dalam mengadakan operasi bersepadu serta badan-badan berkanun seperti Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) dan Malaysian Crime Prevention Foundation (MCPF) dalam mengadakan kempen-kempen pencegahan; menggiatkan program-program kesedaran dan pencegahan bersama masyarakat melalui program Rakan Cop dan Rukun Tetangga, melalui ceramah-ceramah, kempen-kempen menerusi media massa dan meletakkan kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan-kawasan tertentu. Setakat ini, keadaan jenayah adalah terkawal.

Soalan No : 19

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN (PETALING JAYA SELATAN)**
TARIKH	:	**5.5.2008**

SOALAN:

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN (PETALING JAYA SELATAN) minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan tapak asal Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJK (C) Damansara masih mempunyai bangunan yang sempurna serta infrastruktur yang lengkap; kini telah terbiar lebih daripada 7 tahun, bolehkah Kementerian nyatakan tarikh dibuka semula SRJK (C) Damansara di tapak asalnya yang mana penggunaan tapak asal sekolah tersebut boleh membantu ibu bapa dan pelajar yang tinggal berhampiran dari segi penjimatan masa dan kos perjalanan untuk berulang alik ke sekolah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memberikan perhatian dan tindakan yang sewajarkan kepada setiap aduan, pandangan dan juga keluhan masyarakat khususnya berhubungkait dengan persekolahan anak-anak. Perkara-perkara tersebut juga menjadi faktor KPM bersetuju untuk memindahkan SJKC Damansara pada September 2001.

Untuk makluman, perpindahan SJKC Damansara adalah atas permintaan pihak PIBG sekolah tersebut seperti surat daripada PIBG sekolah berkenaan yang bertarikh 24 September 1999. Antara kandungan surat tersebut menyatakan alasan permohonan perpindahan berasaskan faktor-faktor berikut ;

i. **Faktor keselamatan** – Jalan menghala ke pintu masuk sempit dan curam. Manakala tiada tempat yang sesuai untuk meletak kereta dan menurunkan murid. Ibu bapa terpaksa meletakkan kereta di tepi lebuh raya;

ii. **Faktor kesihatan** – Pencemaran udara dan bunyi yang teruk yang dihadapi oleh guru dan murid akibat kenderaan melalui lebuh raya berhampiran; dan

iii. **Faktor keselesaan** – Kawasan yang sempit menyebabkan bilik darjah tidak mencukupi untuk menampung murid yang semakin meningkat dan tiada kawasan untuk aktiviti luar bilik darjah seperti sekolah-sekolah lain.

Atas alasan tersebut, KPM telah memberi pertimbangan untuk perpindahan, malah pihak KPM juga telah membantu mencari tapak baru dan membina bangunan baru sekolah tersebut yang dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan di Jalan Tropicana. Perpindahan tersebut mendapat persetujuan penuh PIBG termasuklah memberi surat ucapan terima kasih kepada KPM atas kelulusan perpindahan dan peruntukan yang diberikan.

Perkembangan terbaru mengenai desakan membuka semula SJKC Damansara, memaksa kementerian melihat kepada punca berlakunya desakan sedemikian. Secara lazimnya, dalam memenuhi mana-mana tuntutan kementerian akan mengkaji implikasi jangka panjang yang akan dihadapi pihak sekolah, murid-murid sekolah dan para ibu bapa. Oleh yang demikian, satu tinjauan ke tapak sekolah tersebut telah diadakan pada 2 Mei 2008 untuk melihat keadaan sebenar dan tindakan selanjutnya sebelum sebarang tarikh atau keputusan dibuat mengenai pengoperasian semula tapak SJKC Damansara yang asal.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. RAIME BIN UNGGI [TENOM]**

TARIKH : **5 MEI 2008**

SOALAN:

Tuan Raime bin Unggi [Tenom] meminta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah masyarakat luar bandar khususnya di Pulau Pinang pasti terjejas berikutan Dasar Ekonomi Baru (DEB) tidak dilaksanakan di negeri tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pertumbuhan dengan pengagihan telah menjadi agenda pembangunan negara semenjak Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilancarkan pada tahun 1971. Objektif utama DEB adalah untuk mencapai perpaduan nasional dan pembentukan negara, atau dengan izin *nation-building* melalui dua strategi penting iaitu:-

(i) pembasmian kemiskinan tanpa mengira kumpulan etnik; dan

(ii) penyusunan semula masyarakat bagi menghapuskan pengenalan etnik mengikut fungsi ekonomi.

Tumpuan DEB pada asasnya ialah untuk menyediakan peluang bagi golongan yang kurang berada, khasnya kumpulan miskin untuk turut bersama menikmati arus pembangunan negara. Inisiatif tersebut yang prihatin terhadap golongan masyarakat yang ketinggalan dari segi pencapaian ekonomi berbanding dengan golongan-golongan lain rakyat Malaysia adalah sejajar dengan nilai-nilai murni yang digalakkan oleh semua agama, termasuk agama Islam. Justeru itu, semangat DEB telah diterapkan dalam dasar-dasar ekonomi selepasnya iaitu Dasar Pembangunan Negara (DPN), Dasar Wawasan Negara (DWN) dan Misi Nasional di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan bagi memastikan pengagihan kekayaan negara yang adil dan saksama antara etnik dan wilayah tercapai.

Hasil daripada pelaksanaan semangat DEB sejajar dengan agenda pertumbuhan dengan pengagihan, Kerajaan amat yakin keharmonian dan pembentukan masyarakat Malaysia yang bersatu padu berjaya diwujudkan dan seterusnya berupaya mengekalkan kestabilan serta kesejahteraan negara. Oleh yang demikian, pihak Kerajaan Pusat kurang faham mengapakah rakyat di negeri Pulalu Pinang harus dinafikan daripada memanfaatkan usaha-usaha murni semangat DEB berkenaan.

Sekiranya semangat DEB tidak dilaksanakan di dalam agenda pembangunan negara, bermakna strategi pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat juga tidak dapat dilaksanakan. Akibatnya, masyarakat luar bandar bukan sahaja di Pulau Pinang, malahan di seluruh negara akan turut terjejas daripada menikmati pembangunan yang seimbang dan pengagihan kekayaan negara secara adil dan saksama. Keadaan ini, jika berpanjangan akan meruncingkan masalah ketidakseimbangan pendapatan dan pemilikan kekayaan antara etnik dan wilayah yang masih ketara pada masa ini. Akhirnya,

perpaduan negara dan kepesatan pertumbuhan ekonomi yang dicapai oleh negara sekarang tidak mungkin lagi akan dapat dipertahankan. Oleh itu, Kerajaan tidak akan menamatkan semangat DEB dalam agenda pembangunan di semua negeri termasuk Pulau Pinang untuk dimanfaatkan oleh semua rakyat Malaysia.

NO. SOALAN: 2

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]**
TARIKH	:	**5 MEI 2008 (ISNIN)**
SOALAN	:	**21**

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah pelantikan kaum Cina dan India di dalam jawatan-jawatan tertinggi *'civil service'* negara ini dan sebab-sebab ianya amat kurang.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Bilangan pegawai perkhidmatan awam persekutuan dalam jawatan-jawatan tertinggi bagi kaum Cina adalah seramai **117 orang,** manakala bagi kaum India adalah seramai **76 orang**. Pecahan mengikut gred jawatan adalah seperti berikut:

GRED JAWATAN	KAUM		JUMLAH
Utama A	2	3	5
Khas A	1	1	2
Utama B	11	4	15
Khas B	12	7	19
Utama C	35	21	56
Khas C	56	40	96
JUMLAH KESELURUHAN	117	76	193

(Nota: Maklumat ini tidak termasuk Perkhidmatan Polis, Tentera, Perkhidmatan Negeri, Perkhidmatan Badan-Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri dan Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan)

Pemilihan pegawai untuk mengisi jawatan-jawatan tertinggi dalam sektor awam adalah berasaskan kepada merit, kompetensi pegawai, kecemerlangan prestasi, kesesuaian pegawai dari aspek pengalaman, penerimaan dan bidang pengkhususan. Anggapan bahawa bilangan kaum Cina dan India yang menjawat jawatan tinggi sektor awam amat kurang adalah tidak tepat. Ini dapat dilihat melalui peratusan pecahan mengikut kaum bagi keseluruhan bilangan pegawai-pegawai peringkat Pengurusan dan Profesional dalam kumpulan masing-masing dengan bilangan pegawai menjawat jawatan tertinggi seperti berikut:

GRED JAWATAN	KAUM		
Jusa/ Gred Khas	1,348	185	123
Pengurusan & Professional	193,409	28,751	12,068
PERATUS (%)	0.07	0.06	1.0

Dari angka di atas, menunjukkan peratusan kaum India adalah lebih tinggi daripada kaum Melayu dan Cina. Bagi kaum Melayu dan Cina peratusannya adalah hampir sama.

SOALAN NO: 22

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN MOHSIN FADZIL BIN HAJI SAMSURI (BAGAN SERAI)**
TARIKH	:	**5 MEI, 2008 (RABU)**
SOALAN	:	**TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-

Apakah langkah Kerajaan untuk menghapuskan kuota potongan padi seperti potongan angin sebanyak 15% tanpa mengira sama ada padi tersebut basah atau kering.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pada masa ini, pemotongan dibuat secara rundingan antara pengilang dan petani pada kadar 17% - 20% setiap 100 kg padi.

Mengikut kaedah pemutuan sebenar, pemotongan di buat berdasarkan kepada potongan ke atas 4 perkara berikut :-

i. Kandungan Wap Basah

(Padi kering dikira apabila kelembapan padi tidak melebihi 14% wap basah dengan menggunakan 'Moisture Meter')

ii. Padi Rosak

iii. Padi Muda

iv. Kekotoran / Benda asing seperti batu, jerami, padi hampa.

Walaupun tidak wujud pemutuan sebenar, amalan secara rundingan di antara pengilang dan petani telah dapat di terima pakai oleh kedua-dua pihak.

NO. SOALAN: 23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. TUAN SING TONG HIM (KOTA MELAKA)**
TARIKH	:	**5 MEI 2008**

SOALAN

Y.B. Tuan Sing Tong Him (Kota Melaka) minta **Perdana Menteri** menyatakan tentang penswastaan kerja-kerja naik taraf jalan raya. Sila berikan syarat-syarat mengenai penswastaan ini dan apakah tempoh masa yang paling panjang di antara Kementerian dengan syarikat swasta ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Di negara ini terdapat sekurang-kurangnya 3 jenis jalan raya iaitu:

(i) Jalan Persekutuan;
(ii) Jalan-jalan Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan; dan
(iii) Jalan-jalan kampong

Bagi Jalan Persekutuan (*Federal Road*-FR), kerja-kerja menaik taraf akan dibuat mengikut keperluan berasaskan kepada jumlah aliran trafik dan tahap perkhidmatan jalan raya mencapai *service level* C iaitu lebih kurang 60,000 kenderaan sehari. Lazimnya, kerja-kerja ini melibatkan penambahan kapasiti jalan iaitu menaik taraf jalan satu lorong (*single carriage way*) kepada dua lorong dua hala. Keperluan lain untuk menaik taraf jalan ini adalah disebabkan aspek-aspek keselamatan bagi mengelak berlakunya kemalangan jalan raya yang boleh membawa kemalangan maut.

Polisi semasa Kerajaan bagi kerja-kerja manaik taraf jalan raya sedia ada adalah dengan menggunakan peruntukan belanja mengurus di bawah Kementerian Kerja Raya dan bukannya melalui penswastaan.

NO SOALAN: 24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN
DARIPADA: TUAN KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]
TARIKH: 5 MEI 2008

SOALAN:

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk memperkenalkan undang-undang 'anti lompat parti' dengan meminda Perlembagaan Persekutuan atau menggubal suatu undang-undang bagi tujuan tersebut, di mana demi kepentingan awam calon yang dipilih rakyat tidak harus dibenarkan memasuki parti politik yang lain setelah dipilih di bawah suatu parti politik.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Setelah menerima pelbagai pendapat rakyat mengenai isu ini, Kerajaan kini sedang mengkaji cadangan penggubalan undang-undang tersebut bagi menjamin bahawa pilihan rakyat di dalam sistem demokrasi berpalimen kita tetap terpelihara.

Dengan itu, cadangan undang-undang tersebut harus diteliti dan dibincangkan terlebih dahulu untuk mengelak sebarang salah faham atau syak wasangka yang mungkin timbul. Pokoknya, pemilihan seseorang calon atau sesebuah parti harus mencerminkan hasrat rakyat yang sebenar.

SOALAN NO: 25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 5 MEI 2008

RUJUKAN : 825

Soalan : 25

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan balai polis baru di seluruh negara bagi setiap negeri, kekuatan anggota bertugas dan sejauh mana ianya berjaya meredakan kes jenayah dalam kawasan masing-masing dan prestasi program rakancop yang melibatkan orang awam dan perangkaan mutakhir kes jenayah dan jenisnya. Bagaimanakah kedudukan rancangan penambahan anggota baru.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Cheras yang mengemukakan soalan ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, bilangan balai dan pondok polis yang telah siap dibina di bawah Rancangan Malaysia ke-Sembilan (RMK-9) adalah sebanyak 35 buah di seluruh negara. Pecahan balai dan pondok polis mengikut negeri adalah seperti berikut :-

BIL	KONTINJEN	BALAI POLIS	PONDOK POLIS	JUMLAH
1	PERLIS	0	2	2
2	KEDAH	2	1	3
3	PERAK	3	0	3
4	SELANGOR	4	1	5
5	KUALA LUMPUR	0	1	1
6	NEGERI SEMBILAN	1	0	1
7	MELAKA	3	0	3

BIL	KONTINJEN	BALAI POLIS	PONDOK POLIS	JUMLAH
8	JOHOR	5	1	6
9	PAHANG	2	0	2
10	TERENGGANU	3	2	5
11	KELANTAN	3	1	4
JUMLAH		**26**	**9**	**35**

Tuan Yang Dipertua,

Manakala bilangan balai dan pondok polis di bawah RMK-9 yang masih dalam pembinaan adalah sebanyak 22 buah di seluruh negara. Pecahan balai dan pondok polis tersebut mengikut negeri adalah seperti berikut :-

BIL	KONTINJEN	BALAI POLIS	PONDOK POLIS	JUMLAH
1	PULAU PINANG	2	0	2
2	KEDAH	1	1	2
3	PERAK	1	0	1
4	SELANGOR	1	0	1

BIL	KONTINJEN	BALAI POLIS	PONDOK POLIS	JUMLAH
5	KUALA LUMPUR	2	0	2
6	MELAKA	1	0	1
7	JOHOR	1	1	2
8	PAHANG	1	0	1
9	TERENGGANU	1	0	1
10	KELANTAN	0	1	1
11	SABAH	5	0	5
12	SARAWAK	3	0	3
JUMLAH		**19**	**3**	**22**

Tuan Yang Dipertua,

Perwujudan balai polis baru ini adalah untuk memberikan perkhidmatan kaunter, bantuan, pencegahan jenayah dan *community policing* kepada masyarakat setempat. Setiap balai dianggotai sekurang-kurangnya 8 orang anggota pelbagai pangkat dijangkakan mampu mengekalkan keamanan dan mengawal keselamatan dengan dibantu oleh RELA, Rukun Tetangga, Sukarelawan Polis dan ahli-ahli masyarakat. Balai polis baru ini

beroperasi 24 jam sehari dan boleh menerima sebarang jenis laporan daripada orang awam.

Tuan Yang Dipertua,

Mengenai prestasi program Rakan Cops, setakat 16 April 2008, sejumlah 196,444 orang telah mendaftar menjadi ahli. Ini menunjukkan orang awam menyambut baik langkah pihak polis untuk mendapatkan maklumat bagi mencegah dan membanteras jenayah.

Pada tahun 2007, sebanyak 52,573 maklumat telah diterima melalui talian *hotline* daripada ahli berdaftar Rakan Cops. Pada tahun ini, sehingga 16 April 2008, PDRM telah menerima sebanyak 15,188 maklumat. Manakala bagi maklumat melalui sistem pesanan ringkas pula, pada tahun 2007, sebanyak 79,779 pesanan telah diterima. Pada tahun ini sehingga 16 April 2008, PDRM telah menerima sebanyak 14,293 pesanan ringkas daripada ahli berdaftar Rakan Cops.

Maklumat pantas melalui *hotline* dan sistem pesanan ringkas ini telah banyak membantu PDRM dalam memberikan perkhidmatan terbaik dalam kes-kes jenayah yang dilaporkan. Orang awam juga telah mula sedar akan peranan dan tanggungjawab mereka untuk membantu PDRM dalam menyalurkan maklumat bagi menjayakan usaha-usaha memerangi jenayah.

Tuan Yang Dipertua,

Mengenai rancangan penambahan anggota baru, Kementerian Kewangan dan Jabatan Perkhidmatan Awam telah pun meluluskan Waran Perjawatan Bilangan K16 Tahun 2008 dengan bilangan perjawatan sebanyak 590 jawatan baru.

Soalan No : 26

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. DATUK RICHARD RIOT AK. JAEM (SERIAN)**
TARIKH	:	**5.5.2008**

SOALAN:

Y.B. DATUK RICHARD RIOT AK. JAEM (SERIAN) minta menteri Pelajaran menyatakan rancangan Kementeriannya untuk membantu sekolah-sekolah mubaligh yang kebanyakan bangunannya sudah uzur dan tidak selamat untuk diduduki, contoh ketara SK St. Teresa, Serian.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Perlu dijelaskan bahawa sekolah mubaligh merupakan sekolah bantuan kerajaan. Sehubungan itu, segala perancangan untuk pembangunan dan membaikpulih bangunan sekolah-sekolah tersebut adalah di bawah tanggungjawab Lembaga Pengelola Sekolah (LPS). Sungguhpun begitu, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tidak pernah mengabaikan sekolah tersebut. Ini terbukti dengan penyediaan peruntukan bantuan modal bagi sekolah-sekolah bantuan, khususnya untuk tujuan penyelenggaraan dan perolehan harta modal. Sehubungan itu, pihak sekolah boleh memohon peruntukan bantuan modal ini melalui Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) mengikut prosedur sedia ada yang telah ditetapkan oleh kementerian. Dalam RMKe-9, KPM telah menyediakan sebanyak RM100 juta untuk peruntukan bantuan modal.

Berhubung dengan SK St Teresa, Seria, walaupun sekolah tersebut merupakan sekolah bantuan kerajaan, KPM tidak pernah mengabaikan sekolah tersebut. Selain daripada menempatkan guru-guru terlatih dan penyediaan belanja mengurus seperti yang diperuntukkan kepada sekolah-sekolah kerajaan yang lain, KPM juga memberi peruntukan pembaikan bangunan seperti pada tahun 2004 diluluskan RM50 ribu, tahun 2005 (RM30 ribu), tahun 2007 (RM10 ribu) dan pada tahun 2008 sebanyak RM10 ribu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pihak **Lembaga Pengurus Sekolah (LPS) SK St. Teresa, Serian, merancang untuk mengambil balik tapak dan bangunan sedia ada sekolah tersebut untuk tujuan lain.** Oleh kerana perancangan pihak LPS itu hanya dimaklumkan dalam tempoh RMKe-9, maka kerajaan akan merancang untuk membina sekolah kebangsaan baru di kawasan berkenaan sama ada cadangan tersebut dimasukkan dalam Kajian Separuh Penggal RMKe-9 ini atau dalam cadangan RMKe-10 nanti. Sehingga kini, tapak sekolah baru telah dikenal pasti dan sedang mengadakan perbincangan dengan pihak kerajaan negeri.

SOALAN NO: 27

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN LIM LIP ENG (SEGAMBUT)

TARIKH : ISNIN, 5 MEI 2008

SOALAN :

Tuan Lim Lip Eng (Segambut) minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan sama ada beliau bersetuju melantik satu wakil daripada Badan Peguam Malaysia sebagai ahli dalam Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Segambut, keanggotaan Lembaga Penasihat telah ditetapkan mengikut Peraturan-peraturan Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur 1989 yang diwujudkan di bawah seksyen 6 Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 (Akta 190). Peraturan (2)(c) Peraturan-Peraturan Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur 1989 memperuntukkan sepuluh (10) orang ahli bukan anggota perkhidmatan awam seperti berikut:

a) mana-mana orang yang tidak memegang apa-apa jawatan sepenuh masa dalam mana-mana perkhidmatan awam;
b) majoriti daripada mereka hendaklah yang biasanya bermastautin dalam Bandaraya Kuala Lumpur;
c) mempunyai pengalaman luas dalam hal ehwal kerajaan tempatan atau yang telah memperolehi kejayaan terpuji dalam sesuatu profesion, perdagangan atau perindustrian; dan
d) mempunyai kebolehan untuk mewakili kepentingan-kepentingan kaum-kaum mereka dalam Bandaraya Kuala Lumpur.

Soalan sama ada Y.B. Menteri Wilayah Persekutuan bersetuju melantik satu wakil daripada Badan Peguam Malaysia sebagai ahli dalam Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur adalah isu yang memerlukan keputusan dasar. Perlantikan Ahli Lembaga Penasihat pada masa ini adalah berpandukan kepada kriteria orang yang disebutkan di bawah peraturan tersebut tanpa menetapkan profesyen atau organisasi yang diwakilinya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh sehingga 31 Disember 2007, seramai 3 orang Ahli Lembaga Penasihat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur terdiri daripada peguam-peguam telah dilantik. Selepas tarikh ini, 2

daripadanya telahpun tamat tempoh perkhidmatan, manakala seorang lagi masih menjadi Ahli Lembaga Penasihat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

NO SOALAN: 28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN
DARIPADA: DATO' IBRAHIM BIN ALI [PASIR MAS]
TARIKH: 5 MEI 2008

SOALAN:

Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

(a) adakah Dasar Ekonomi Baru masih menjadi agenda nasional negara memandangkan pelaksanaan projek-projek pembangunan seperti Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) yang mengetepikan pelaksanaan DEB; dan

(b) adakah Kerajaan bercadang melaksanakan sepenuhnya peruntukan dalam Perlembagaan Perkara 153 Fasal 4.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Sukacita saya mmenjelaskan bahawa Dasar Ekonomi Baru telahpun tamat pelaksanaannya pada tahun 1990 dengan digantikan oleh Dasar Pembangunan Nasional (DPN). Dalam hal ini, objektif asal DEB, iaitu pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum, serta penstrukturan semula masyarakat untuk menamatkan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi, telah dikekalkan dan terus digunapakai bagi pelaksanaan DPN. Objektif serampang dua mata tersebut juga telah dikekalkan dalam pelaksanaan Dasar Wawasan Negara (DWN) yang menyusuli pelaksanaan DPN.

Rancangan Malaysia Ke-Sembilan, telah menggariskan lima Teras Utama bagi Misi Nasional, iaitu satu dasar dan rangka kerja pelaksanaan yang bertujuan meningkatkan prestasi dan impak daripada gabungan usaha pembangunan negara. Misi Nasional ini merupakan dasar utama yang akan merencana strategi pembangunan negara dalam jangka masa 15 tahun sehingga tahun 2020.

Dalam hal pembangunan Iskandar Malaysia, pihak Kerajaan telah mengumumkan sebuah pakej insentif yang menyeluruh bagi menggalakkan pembangunan Iskandar Malaysia. Antara butiran pakej ini termasuklah pengecualian daripada peraturan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC). Di samping itu, pakej insentif ini juga memberi kelonggaran kepada syarikat-syarikat yang berkenaan untuk mengupah pekerja mahir asing.

Kedua-dua pengecualian yang saya sebutkan tadi adalah faktor utama yang telah mendorong ramai pihak untuk mendakwa bahawa pelaksanaan projek Iskandar Malaysia ini telah mengetepikan pelaksanaan DEB. Dakwaan sebegini tidak akan timbul sekiranya kita mengambil kira fakta yang sebenarnya dalam keadaan ini.

Pertama: pakej insentif itu hanya terhad kepada syarikat-syarikat yang telah diluluskan sebagai "syarikat berstatus WPI." Jadi, hanya syarikat tersebut saja yang akan mendapat pengecualian daripada peraturan FIC, serta kelonggaran untuk mengupah pekerja mahir asing.

Kedua: pakej insentif tersebut hanya terbuka kepada para pelabur yang meletakkan operasi mereka dalam kawasan Nod Pertama (atau "Node-1") yang meliputi Pusat Bandaraya Johor Bahru, Nusajaya, Pembangunan Pintu Barat, Pembangunan Pintu Timur, dan Senai-Skudai. Keseluruhannya, Nod Pertama ini hanya merangkumi kawasan seluas kira-kira 8918.4 hektar. Jadi, pengecualian-pengecualian yang didakwa mengetepikan pelaksanaan objektif asal DEB, hanya tertakluk kepada kawasan tersebut.

Ketiga: pengecualian-pengecualian terhadap peraturan FIC dan penggunaan tenaga kerja mahir tidaklah boleh disamakan dengan pengenepian pelaksanaan objektif asal DEB secara keseluruhannya. Sepertimana yang saya jelaskan sebelum ini, pelaksanaan Misi Nasional – yang merangkumi objektif asal DEB – bukanlah hanya tertakluk kepada peraturan FIC, mahupun penggunaan tenaga kerja semata-mata, malah melibatkan strategi pembangunan sosio-ekonomi yang menyeluruh. Jadi, adalah tidak tepat untuk mendakwa bahawa Iskandar Malaysia "mengetepikan pelaksanaan DEB", sedangkan begitu banyak lagi usaha lain yang sedang dan akan kita laksanakan untuk mencapai hasrat pembangunan negara yang lebih seimbang. Sebagai contoh, kita telah menegaskan bahawa syarikat-syarikat yang dikecualikan daripada peraturan FIC akan disyaratkan supaya menyumbang kepada sebuah Dana Projek Sosial yang akan dibangunkan bagi tujuan melaksanakan projek-projek pembangunan sosial, termasuklah pembangunan Bumiputera.

Keempat: Sukacita diingatkan bahawa pengecualian daripada peraturan FIC serta kelonggaran untuk menggunapakai tenaga mahir asing **bukanlah sesuatu perkara yang baru.** Pelaksanaan Multimedia Super Corridor (MSC) telah melibatkan pengecualian daripada peraturan FIC bagi syarikat-syarikat yang memiliki status syarikat MSC. Syarikat-syarikat tersebut juga diberi kelonggaran untuk menggunapakai tenaga mahir asing. Begitu juga, syarikat-syarikat pembuatan yang dilesenkan melalui Akta Penyelarasan Industri (Industrial Coordination Act, ICA) telah diberikan pengecualian daripada peraturan FIC, bermula pada tahun 1986 (tertakluk kepada beberapa syarat tertentu), dan seterusnya diberi kelonggaran sepenuhnya untuk dimiliki 100 peratus oleh pelabur asing pada Jun 2003.

Tuan Yang DiPertua,

Perkara 153 Fasal 4, Perlembagaan Perseketuan adalah seperti berikut:

> "Pada menjalankan fungsinya di bawah Perlembagaan ini dan undang-undang persekutuan mengikut Fasal (1) hingga (3) Yang di-Pertuan Agong tidak boleh melucutkan mana-mana orang daripada apa-apa jawatan awam yang dipegang olehnya atau daripada terus mendapat biasiswa, danasiswa atau keistimewaan pendidikan atau latihan atau kemudahan khas lain yang dinikmati olehnya."

Dalam hal ini, Fasal (1) hingga (3) menggariskan perkara-perkara yang boleh dirizabkan kepada golongan Bumiputera, iaitu termasuklah jawatan dalam perkhidmatan awam, biasiswa, danasiswa, keistimewaan pendidikan atau latihan, serta lesen dan permit.

Fasal (4) menggariskan bahawa pemberian hak kepada golongan Bumiputera terhadap perkara-perkara yang boleh dirizabkan, ekoran daripada Fasal (1) hingga (3) dalam Perkara 153, tidak boleh dilaksanakan melalui pelucutan hak yang telah sedia ada kepada mana-mana pihak.

Kerajaan sentiasa amat tegas dalam memastikan agar sebarang tindakan Kerajaan, sama ada yang berkaitan dengan dasar-dasar yang melibatkan pengagihan sosio-ekonomi ataupun sebaliknya, akan dilaksanakan tanpa menafikan hak mana-mana pihak.

Prinsip ini telah diamalkan oleh Kerajaan semenjak pelaksanaan DEB dimulakan pada tahun 1971, dan kita akan terus mengamalkan prinsip ini demi untuk menjamin keamanan dan kemakmuran negara.

Soalan No : 29

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. TUAN LEE CHEE LEONG (KAMPAR)**

TARIKH : **5.5.2008**

SOALAN:

Y.B. TUAN LEE CHEE LEONG (KAMPAR) minta Menteri Pelajaran menyatakan kenapa masalah kekurangan guru yang telah wujud begitu lama di SJKC masih berlaku dan bagaimana Kementerian memastikan pengambilan guru sandaran yang mencukupi dan gaji mereka dibayar sepenuhnya oleh Kerajaan dan bukannya PIBG. Kenapa terdapat perbezaan besar di antara perhitungan atau ramalan keperluan Kementerian dan keadaan sebenar kekurangan guru yang berlaku di setiap sekolah dan bagaimana masalah ini dapat diatasi.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kekurangan guru wujud bukan sahaja di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) tetapi juga di hampir semua jenis sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Walau bagaimanapun, ini merupakan masalah sementara akibat pewujudan jawatan-jawatan baru dalam Anggaran Belanja Mengurus (ABM) 2008. Pewujudan jawatan tambahan tersebut bertujuan meringankan tugas guru di samping meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan di sekolah.

Mengenai Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT), KPM telah meluluskan pengambilan GSTT berdasarkan data kekosongan semasa untuk mengatasi masalah kekurangan guru di SJKC. Bagi tahun 2008 sahaja, sejumlah 3,095 GSTT telah diluluskan bagi mengisi kekosongan jawatan di SJKC.

Kelulusan ini dibuat berdasarkan jumlah kekosongan di setiap negeri sehingga 31 Januari 2008.

KPM sentiasa mengambil pelbagai langkah dalam menangani masalah kekurangan guru terlatih dalam pelbagai opsyen di seluruh negara termasuklah di SJKC dan SJKT. Sehubungan itu, KPM telah melatih guru-guru dengan pelbagai *mode* latihan perguruan. Antaranya;

i. Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM) – Mode Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah (LPBS);
ii. Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM) – KDC;
iii. Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) – *Mode* Latihan Perguran Berasaskan Sekolah (LPBS);
iv. Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP);
v. Program Ijazah Muda Pendidkan (B. Ed);
vi. Program Ijazah Sarjana Muda Pelajar Cemerlang (PPC);
vii. Program Kembar dengan universiti dari Republik Rakyat China;
viii. Program Khas Pensiswazahan Guru (PKPG) sehingga 2006; dan
ix. Program Pensiswazahan Guru sekolah rendah.

KPM juga melalui Bahagian Pendidikan Guru (BPG) telah melatih guru-guru opsyen Bahasa Cina (BC) dan Bahasa Tamil (BT) bagi memenuhi keperluan sekolah-sekolah KPM berdasarkan bilangan unjuran guru yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Unjuran Keperluan guru (JKUG) KPM.

SOALAN NO. (30)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	Y.B. PUAN TAN AH ENG (GELANG PATAH)
TARIKH	:	5 MEI 2008 (ISNIN)

SOALAN :

Y.B. PUAN TAN AH ENG (GELANG PATAH) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah untuk menyemai sikap Konsep Kitar Semula di kalangan remaja kita.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, konsep kitar semula yang dimaksudkan adalah salah satu daripada pendekatan 3R yang menjadi strategi utama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi mengurangkan jumlah sisa pepejal yang perlu di lupuskan di tapak pelupusan. 3R iatu pengurangan, guna semula dan kitar semula perlu dijadikan sebagai budaya hidup masyarakat Malaysia jika kita mahu sasaran untuk mengitar semula sebanyak 22% sisa pepejal pada tahun 2020 tercapai. Oleh yang demikian KPKT telah mengenalpasti dan mensasarkan golongan remaja sebagai penggerak utama dalam melaksanakan program dan aktiviti kitar semula.

Dalam menyemai konsep kitar semula dikalangan remaja, KPKT telah memberi tumpuan dan pendedahan kepada para pelajar peringkat sekolah rendah kerana para pelajar ini yang berbekalkan kesedaran tentang pentingnya kitar semula akan menjadi remaja yang bertanggungjawab kelak.

Beberapa program dan aktiviti telah dirancang dan dilaksanakan yang melibatkan remaja terutama para pelajar seperti berikut:

i. Bank kitar semula dimana dua buah sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan Balik Pulau dengan Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Balik Pulau dipilih dalam projek ini. Projek ini merupakan kerjasama antara KPKT, DANIDA, Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan *Sosio Economic and Environmental Research Institute* (SERI);

ii. Pertandingan kitar dan menang kotak minuman yang melibatkan sekolah-sekolah rendah seluruh negara. Pertandingan ini dianjurkan oleh syarikat Tetra Pak (M) Sdn. Bhd. dengan kerjasama KPKT dan Alam Flora Sdn. Bhd.. SJK(C) Chung Shan dari Negeri Perak telah memenangi pertandingan ini;

iii. Pertandingan *choral speaking* bertemakan kitar semula telah dianjurkan oleh KPKT melibatkan sekolah-sekolah rendah sekitar Lembah Kelang. SK Convent Sentul 1 telah menjuarai pertandingan ini;

iv. Pertubuhan persatuan yang dikenali sebagai *Smart Ranger* yang dikelolakan oleh sebuah badan NGO iaitu *Global Environmental Group (GEC). Smart Ranger* banyak terlibat dalam program-program alam sekitar termasuk kitar semula;

v. Selain itu juga, banyak lagi pelaksanaan program/aktiviti yang dijalankan melibatkan para pelajar oleh PBT, NGO dan pihak swasta dengan kerjasama KPKT; dan

vi. Sesi ceramah dan pameran juga kerap dibuat di peringkat sekolah dan IPTA oleh KPKT dengan bantuan PBT, NGO dan syarikat swasta.

Perbelanjaan yang telah digunakan bagi maksud program kitar semula sejak tahun 2001 hingga 2006 adalah sebanyak RM70.1 juta.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan
Mei 2008

Soalan No : 31

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. TUAN JOHARI BIN ABDUL (SUNGAI PETANI)**

TARIKH : **5.5.2008**

SOALAN:

Y.B. TUAN JOHARI BIN ABDUL (SUNGA PETANI) minta Menteri Pelajaran menyatakan :-

(a) berapa peratuskah masa yang digunakan oleh guru-guru di sekolah rendah dan menengah melakukan kerja-kerja perkeranian seperti mengisi borang-borang dan lain-lain kegiatan yang tidak ada hubungan langsung dengan mata pelajaran yang mereka ajar; dan

(b) berapa peratuskah masa sebenar yang digunakan oleh guru-guru untuk persiapan mengajar dan masa mereka mengajar dalam satu minggu waktu bertugas mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

a) Kajian beban tugas guru yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menunjukkan masa yang digunakan oleh guru-guru untuk melakukan kerja-kerja perkeranian adalah antara 3.5% atau 2.3 jam seminggu berbanding jumlah jam yang diperuntukkan seminggu iaitu 66.24 jam. Antara kerja-kerja perkeranian yang dilakukan ialah menguruskan bantuan geran per kapita (PCG), anggaran belanja mengurus (ABM), pengurusan perakaunan seperti wang kerajaan, wang SUWA asrama dan penyelenggaraan buku VOT,

pengurusan harta modal, stok sekolah serta kutipan yuran sekolah dan yuran PIBG.

b) Merujuk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 17/1998 yang mengandungi penjelasan lanjut waktu pengajaran dan pembelajaran guru (SPI), SPI tersebut telah memperuntukkan masa untuk mengajar (pengajaran dan pembelajaran) sebenar adalah sama bagi kedua-dua sidang pagi dan petang, iaitu masing-masing 36 waktu seminggu. Peruntukan ini tidak boleh ditambah atau dikurangkan. Masa bagi setiap waktu ditetapkan iaitu 40 minit dan masa ini juga tidak boleh ditambah atau dikurangkan. Penentuan jumlah waktu atau masa belajar bagi sidang pagi dan sidang petang adalah sama penting untuk mengelakkan ketidakseimbangan dari segi masa belajar kedua-dua sidang ini.

NO SOALAN: 32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH: 5 MEI 2008

SOALAN:

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada beliau bercadang meminda Perlembagaan Persekutuan untuk menghalang mana-mana wakil rakyat daripada bertukar parti.

JAWAPAN

Tuan Yang DIPertua,

Kerajaan tidak bercadang untuk meminda Perlembagaan Persekutuan untuk menghalang wakil rakyat bertukar parti. Walaubagaimanapun, Kerajaan akur dengan pendapat rakyat bahawa wakil rakyat yang bertukar parti mungkin melanggar hasrat rakyat yang memilih parti dan bukan individu, lebih-lebih lagi jika wakil rakyat tersebut bertukar parti sebaik sahaja selepas sebuah pilihanraya. Untuk itu, Kerajaan kini sedang mengkaji penggubalan suatu undang-undang bagi menangani persoalan ini. Hasil penemuan kajian tersebut akan dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini kelak.

Soalan N0: 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

DARIPADA	:	TUAN RAZALI BIN HAJI IBRAHIM (MUAR)
PERTANYAAN	:	LISAN
TARIKH	:	05.05.2008

Tuan Razali Bin Haji Ibrahim (Muar) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan langkah-langkah dan pendekatan kementerian untuk cuba mengawal dan mengurangkan kadar inflasi tahun ini yang diramalkan lebih tinggi daripada tahun 2007 agar masyarakat di bandar yang paling dibebáni oleh situasi itu akan dapat mengatasi cabaran tersebut dengan lebih selesa.

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon untuk menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Muar yang dijadualkan pada hari ini bersama pertanyaan Ahli Yang Berhormat Kuala Selangor pada 7 Mei 2008, memandangkan pertanyaan tersebut menyentuh isu yang serupa.

2. Kerajaan sedar mengenai persepsi orang awam bahawa kadar inflasi rasmi tidak mencerminkan keadaan sebenar berikutan kenaikan harga barangan, khususnya barang makanan. Ini adalah kerana pengguna lazimnya menyamakan peratus kenaikan harga barangan dengan kadar inflasi. Contohnya, pengguna berpandangan jika harga susu tepung bayi naik sebanyak 10%, kadar inflasi juga sepatutnya naik sebanyak 10%. Ini tidak begitu tepat kerana Indeks Harga Pengguna (IHP) yang digunakan untuk mengukur kadar inflasi bagi sesuatu bakul barangan dan perkhidmatan yang mewakili corak purata pembelian oleh sekumpulan penduduk pada sesuatu tempoh masa, dan bukannya perubahan paras harga sesuatu barangan. Berdasarkan pengiraan tersebut, kadar inflasi bagi tahun 2006 adalah sebanyak 3.6%, tahun 2007 sebanyak 2% dan suku pertama tahun 2008 sebanyak 2.6%. Sementara itu, ramalan inflasi oleh Bank Negara Malaysia adalah sebanyak 2.5%-3% pada tahun 2008.

3. Kenaikan harga barangan, terutama bahan makanan adalah fenomena global. Kerajaan amat prihatin terhadap beban yang ditanggung oleh rakyat, khususnya golongan yang berpendapatan rendah. Oleh itu, untuk menangani isu kenaikan harga, satu Jawatankuasa Kabinet Mengenai Langkah-Langkah Membendung Inflasi yang dipengerusikan

oleh YAB Perdana Menteri telah bermesyuarat setiap minggu bagi membincangkan pelbagai cadangan untuk mengurangkan beban golongan rakyat berpendapatan rendah.

4. Antara langkah yang telah dilaksanakan untuk membantu mengawal inflasi dan mengurangkan beban rakyat termasuk seperti berikut:

i. Mengekalkan harga runcit diesel, petrol dan LPG, walaupun harga minyak mentah telah melonjak tinggi (melebihi USD120 setong pada bulan April 2008). Ini bererti Kerajaan terpaksa menanggung jumlah perbelanjaan subsidi sebanyak RM18.31 bilion pada tahun 2008.

ii. Menyeragamkan harga LPG di Sabah dan Sarawak sebanyak 183 sen/kg kepada harga di Semenanjung Malaysia sebanyak 175 sen/kg berkuat kuasa 17 April 2008;

iii. Memantau dan meningkatkan penguatkuasaan ke atas harga barangan supaya para peniaga tidak sewenang-wenang menaikkan harga;

iv. Mengawal harga beberapa barangan keperluan asas seperti beras, minyak masak, gula, tepung gandum, roti dan yang lain;

v. Memastikan bekalan barangan keperluan asas, terutamanya barang makanan adalah mencukupi. Bagi tujuan ini, salah satu langkah yang akan dilaksanakan ialah menyediakan satu dana berjumlah RM4 bilion untuk menambah pengeluaran makanan di samping memastikan kestabilan harga barang makanan;

vi. Menaikkan kadar bantuan warga emas dan elaun bulanan pekerja orang kurang upaya daripada RM200 sebulan kepada RM300 sebulan berkuat kuasa 1 Januari 2008;

vii. Meningkatkan program pendidikan pengguna supaya berbelanja dengan hemat;

viii. Membenarkan kenaikan kadar tol untuk lebuhraya tertentu sahaja dan memberi subsidi kepada operator tol tertentu untuk mengekalkan kadar tol;

ix. Menyediakan Skim Dana Jaminan Pinjaman Perumahan sebanyak RM50 juta untuk membantu golongan berpendapatan rendah yang tidak

mempunyai pendapatan tetap untuk mendapatkan pinjaman perumahan; dan

x. Memansuhkan yuran sekolah dan memperluaskan skim pinjaman buku kepada semua pelajar;

Tuan Yang di-Pertua,

5. Antara langkah untuk mengurangkan beban golongan berpendapatan rendah yang sedang dikaji termasuk penstrukturan semula subsidi barangan petroleum supaya subsidi benar-benar memanfaatkan golongan yang disasarkan di samping mengurangkan ketirisan dan penyelewengan, dan pemansuhan kawalan import dan harga ke atas barangan tertentu supaya menambahkan bekalan di samping mewujudkan harga yang lebih kompetitif.

SOALAN NO: 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]**
TARIKH	:	**5 MEI 2008**
RUJUKAN	:	**826**

Soalan : 34

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan-tindakan yang diambil berkenaan dengan laporan SUHAKAM berkenaan dengan cadangan pindaan kepada Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960. Sekiranya tiada tindakan, kenapa.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puchong yang mengemukakan soalan. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak SUHAKAM di dalam laporan tahunan 2006 ada menyatakan pendirian mereka supaya Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dimansuhkan kerana ia bertentangan dengan hak asasi manusia. Pihak SUHAKAM juga telah menyatakan pendirian ini kepada Kementerian secara bertulis.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian telah mengkaji secara mendalam akan cadangan dan pandangan oleh pihak SUHAKAM supaya Akta ini dimansuhkan, namun demikian Kementerian berpandangan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 masih relevan keperluannya dan tidak wajar dimansuhkan. Penggunaan Akta ini didapati adalah berkesan bagi tujuan tindakan pencegahan untuk membendung dan menangani kegiatan atau aktiviti yang boleh mengancam dan memudaratkan keselamatan negara, sekali gus dapat mengekalkan keamanan, keharmonian dan kesejahteraan rakyat secara keseluruhannya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

Pertanyaan : **LISAN**

Daripada : **Y.B Dr. MOHD HATTA BIN MD RAMLI**

(KUALA KRAI)

Tarikh : **5 MEI 2008 (ISNIN)**

SOALAN:

YB Dr. Mohd Hatta Bin Md Ramli (Kuala Krai) minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan bilakah waktu sebenar siaran langsung dari Dewan Rakyat dan apakah rasional pemilihan waktu tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Langkah Kementerian Penerangan menyiarkan secara langsung persidangan parlimen bermula penggal kali ini pada 30 April 2008 melalui RTM1 tanpa tapisan membuktikan sifat keterbukaan kerajaan dan ketelusan media arus perdana selari dengan amalan demokrasi negara. Siaran langsung 30 minit bagi sesi soal-jawab Dewan Rakyat ini turut disiarkan melalui Radio KLASIK Nasional dan laman web Kementerian.

SOALAN 36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : **Y.B. DR. MOHAMED HAYATI BIN OTHMAN (PENDANG)**

TARIKH : 5 Mei 2008

SOALAN:

SOALAN 38 (5 MEI 2008)

Y.B. DR. MOHAMED HAYATI BIN OTHMAN (PENDANG) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah rakyat yang berada dalam kategori kemiskinan dan kemiskinan tegar mengikut negeri-negeri dari tahun 2000 hingga 2007.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan perangkaan daripada Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah yang dijalankan setiap dua tahun iaitu tahun 2002, 2004 dan yang terkini tahun 2007, anggaran bilangan isi rumah yang berada dalam kategori miskin adalah semakin berkurang iaitu daripada 314,800 isi rumah pada tahun 2002 kepada 209,000 isi rumah pada tahun 2007. Anggaran terperinci mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Bilangan Isi Rumah Miskin		
	2002	2004	2007
Johor	17,100	12,800	10,500
Kedah	40,700	27,300	12,800
Kelantan	50,600	30,000	21,300
Melaka	2,600	2,700	3,000
Negeri Sembilan	5,300	2,700	2,800
Pahang	23,500	12,100	5,500
Pulau Pinang	4,200	800	5,000
Perak	34,400	25,500	18,200
Perlis	3,500	3,100	3,600
Selangor	10,100	11,200	8,500
Terengganu	27,000	29,500	13,200
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	2,100	4,900	5,200
Sabah	49,200	114,200	78,800
Sarawak	44,500	34,800	20,600
Malaysia	**314,800**	**311,300**	**209,000**

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah anggaran bilangan isi rumah yang berada di bawah kategori miskin tegar juga semakin berkurang daripada 53,700 isi rumah pada tahun 2002 kepada 38,400 isi rumah pada tahun 2007. Anggaran terperinci mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Bilangan Isi Rumah Miskin Tegar		
	2002	2004	2007
Johor	900	1,700	1,300
Kedah	8,600	5,000	1,400
Kelantan	9,500	3,600	4,400
Melaka	60	300	400
Negeri Sembilan	400	400	100
Pahang	2,600	2,900	1,300

Pulau Pinang	280	-	200
Perak	5,400	5,700	3,500
Perlis	360	900	700
Selangor	2,200	400	1,200
Terengganu	3,900	8,300	1,700
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	-	500	500
Sabah	12,400	32,400	18,100
Sarawak	7,100	5,200	3,600
Malaysia	**53,700**	**67,300**	**38,400**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA **:** **DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED**

[SEKIJANG]

TARIKH **:** **5 MEI 2008**

RUJUKAN **:** **827**

Soalan: 37

Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah faktor yang menyebabkan jenayah pecah rumah, samun dan rompakan premis kediaman menjadi-jadi sejak kebelakangan ini.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Y.B. dari Sekijang, yang mengemukakan soalan. Untuk makluman Y.B, jenayah pecah rumah, samun dan rompakan premis kediaman adalah disebabkan oleh faktor-faktor ekonomi, sosial, migrasi dari luar bandar ke bandar, yang menyebabkan kejutan budaya dan pengaruh gejala sosial daripada rakan sebaya. Faktor-faktor lain termasuklah kebanjiran pendatang asing ke negara kita; peningkatan kadar penagih dadah; dan institusi kekeluargaan yang agak longgar.

Soalan No : 38

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN (KENINGAU)**

TARIKH : **5.5.2008**

SOALAN:

Y.B. DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN (KENINGAU) minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada boleh mempertimbangkan kekosongan yang ada di negeri Sabah untuk diisi oleh guru-guru yang terlatih daripada negeri Sabah supaya tidak timbul masalah perumahan, perpindahan dan masalah penyesuaian diri dan kekeluargaan dan supaya membolehkan mereka menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap tugas dan tanggungjawab sebagai guru demi kepentingan murid-murid dan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Penempatan guru untuk mengisi kekosongan di negeri Sabah diberi keutamaan kepada guru-guru terlatih yang berasal dari negeri tersebut. Walau bagaimanapun, penempatan guru-guru adalah berdasarkan kepada kekosongan mengikut mata pelajaran (opsyen). Keadaan ini memungkinkan guru-guru terlatih dari Sabah ditempatkan di negeri lain sekiranya tiada kekosongan mengikut opsyen di Sabah.

NO: 39

PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **Y.B Datuk Siringan bin Gubat**

TARIKH : **5 Mei 2008**

SOALAN : **39. Datuk Siringan bin Gubat [Ranau]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan jumlah kedutaan yang diwujudkan oleh Malaysia di luar negara dan apakah kelayakan yang diperlukan bagi melantik Pesuruhjaya Tinggi dan Duta. Adakah terdapat lantikan dari negeri Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YB dari Ranau yang telah mengemukakan soalan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, sehingga April 2008, terdapat 104 Pejabat Perwakilan di bawah seliaan Kementerian Luar Negeri yang beroperasi luar negara. Pecahan kepada 104 Pejabat Perwakilan tersebut adalah seperti berikut :

- 64 buah berstatus Kedutaan Besar (*Embassy*);
- 16 buah berstatus Suruhanjaya Tinggi (*High Commission*);
- 2 buah berstatus Perutusan Tetap (*Permanent Mission*) (New York dan Geneva);
- 18 buah berstatus Konsulat Jeneral (*Consulate-General*);

- 2 buah berstatus Konsulat (*Consulate*) (Pekan Baru dan Pontianak, Indonesia);
- Sebuah berstatus Pusat Persahabatan & Perdagangan Malaysia (*Malaysian Friendship and Trade Centre*) (Taipei, Taiwan); dan
- Sebuah berstatus Pejabat Perhubungan (*Liaison Office*) (Pristina, Kosovo)

Dimaklumkan juga, walaupun Malaysia mempunyai Perwakilan Diplomatik di Baghdad, Iraq, namun Kedutaan Besar Malaysia di Baghdad pada masa ini beroperasi dari Amman, Jordan di mana Duta Besar Malaysia ke Jordan adalah juga ditauliahkan serentak (*concurrently accredited*) sebagai Duta Besar Malaysia ke Iraq.

Tuan Yang Dipertua dan Yang Berhormat -Yang Berhormat Ahli Dewan,

Dari segi persoalan perkhidmatan, seperti yang dibangkitkan, seseorang calon yang dilantik sebagai Ketua-Ketua Perwakilan Malaysia yang bertaraf Duta Besar dan Pesuruhjaya Tinggi dari kalangan "*career diplomats*" haruslah terdiri dari Pegawai Kanan yang memiliki "*merits*" dari segi pengetahuan dan pengalaman yang luas dalam bidang diplomasi dan hubungan antarabangsa. Seseorang calon Duta Besar atau Pesuruhjaya Tinggi yang bakal dilantik adalah merupakan pegawai yang telah berkhidmat dalam Sektor Luar Negeri bagi tempoh sekurang-kurangnya 20 tahun dan menjawat tidak kurang dari kategori jawatan Gred M54 dan telah berkhidmat dengan cemerlang. Pegawai-pegawai berkenaan merupakan mereka yang telah menjalani pelbagai pendedahan dan latihan yang berterusan di dalam dan di luar negara.

Latihan dan pendedahan berterusan amatlah penting kerana sebagai Duta Besar atau Pesuruhjaya Tinggi yang dilantik seharusnya memiliki kemahiran diplomasi yang tinggi dan meluas termasuk kepekaan terhadap isu-isu antarabangsa semasa sama ada di peringkat dua hala (*bilateral*), serantau (*regional*) atau pelbagai hala (*multilateral*) dan berkeupayaan menganalisis dan mengupas isu-isu berkaitan serta berkemahiran dalam melaksanakan perundingan (*international negotiation skills*) di forum-forum antarabangsa dan bertaraf dunia di samping memahami hal ehwal pentadbiran, kewangan, konsular dan protokol serta mempunyai kemahiran bahasa antarabangsa (*diplomatic language*).

Dalam keadaan tertentu, Kerajaan juga melantik Duta Besar dan Pesuruhjaya Tinggi yang terdiri daripada kalangan ahli politik, ahli perniagaan, bekas pegawai tinggi Kerajaan atau personaliti tertentu yang difikirkan mempunyai kepakaran dan kemahiran yang khusus dan mampu meningkatkan hubungan dua hala dan diplomasi di antara Malaysia dengan negara sahabat.

Tuan Yang Dipertua dan Yang Berhormat –Yang Berhormat Ahli Dewan,

Pelantikan seseorang Duta Besar atau Pesuruhjaya Tinggi adalah dilaksanakan berasaskan *"merits"* tanpa mengira latar belakang agama, bangsa atau asal usul. Pada masa ini, terdapat seramai 20 orang Pegawai dan Kakitangan Kementerian Luar Negeri yang sedang berkhidmat berasal dari negeri Sabah. Daripada jumlah tersebut, terdapat seorang *"Sabah born"* Duta Besar (kelahiran negeri Sabah) iaitu PYT Rosmidah Zahid yang berkhidmat di Poland dan empat (4) orang diplomat sedang berkhidmat di Perwakilan-perwakilan Malaysia di seberang laut yang bertaraf Setiausaha

Kedua dan Setiausaha Ketiga. Usaha-usaha untuk menambah bilangan pegawai diplomat kelahiran atau yang berasal dari negeri Sabah akan dilaksanakan secara berterusan oleh Kementerian Luar Negeri bergantung pada minat dan kesediaan untuk memenuhi *"merits"* tersebut.

SOALAN NO: 40

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN-PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATIN SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL (PERMATANG PAUH)

TARIKH : 5 MEI 2008 (RABU)

SOALAN : DATIN SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL (PERMATANG PAUH) minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:

(a) apakah langkah-langkah yang di ambil oleh Kementerian untuk menjamin "Food Security" di dalam negara khususnya untuk negara yang mempunyai bekalan beras yang mencukupi pada harga yang berpatutan: dan

(b) apakah jaminan Kerajaan dapat mengawal dasar BERNAS dalam membekalkan beras dan BERNAS tidak mengambil kesempatan daripada krisis beras.

JAWAPAN BAGI SOALAN (a)

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

(a) Bagi memastikan bekalan beras yang mencukupi untuk keperluan negara, kerajaan akan mengambil langkah-langkah yang serius untuk meningkatkan pengeluaran padi negara. Tindakan – tindakan yang akan diambil oleh pihak kerajaan ialah:

A. TINDAKAN *'QUICK WIN'* :

1. Penyelenggaraan Infrastruktur Pengairan Dan Saliran

i. Menjalankan pembersihan saluran air secara berkala sekurang-kurangnya 3 kali untuk pengairan, 4 kali untuk parit, berbanding dengan setahun berbanding 2 dan 3 kali setahun pada masa ini di kawasan jelapang dan di luar kawasan jelapang padi.

ii. Menyelenggara dan membaiki pintu kawalan air yang sedia yang melebihi 15 tahun dan yang tidak berfungsi.

iii. Menyelenggara dan membaiki saluran air yang kurang sempurna.

iv. membaiki dan mengganti pam air dan rumah pam yang berumur melebihi 15 tahun.

v. Mempertingkatkan rangkaian jalan ladang sedia ada di kawasan jelapang dan luar jelapang untuk mempertingkatkan kecekapan pengurusan ladang.

2. Perataan Tanah Sawah

i. Melaksanakan aktiviti perataan tanah (minor land levelling) untuk meningkatkan kecekapan Amalan Pertanian Baik (GAP).

ii. Membina dan membaiki saluran-saluran air peringkat ladang, batas-batas ladang dan pintu kawalan air dalam petak sawah.

3. Peningkatan Kesuburan Tanah

i. Mengurangkan kemasaman tanah melalui pengapuran.

ii. Meningkatkan keupayaan pegangan nutrien dalam tanah melalui penggunaan perapi tanah (soil conditioner).

iii. Menambah pembekalan nutrien melalui bekalan baja NPK tambahan bagi meningkatkan hasil.

4. Kawalan Makhluk Perosak

i. Membantu peladang mengawal dan mengurangkan kerosakan akibat serangan musuh dan penyakit yang mengancam pengeluaran padi seperti siput gondang emas, tikus, bena perang, karah, hawar dan lain-lain mengikut keperluan setempat.

ii. Membantu peladang mengawal dan mengurangkan infestasi padi angin dan rumput rumpai.

5. Pemilikan Jentera Dan Mekanisasi Ladang

i. Menyediakan perkhidmatan pembajakan dan penuaian melalui pemberi perkhidmatan (service provider) Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).

ii. Menggalakkan pemilikan jentera kecil seperti power tiller, motorized sprayer, blower dan bush cutter melalui skim pemilikan jentera kecil secara *'matching grant'* pada kadar 50% pembiayaan daripada kerajaan.

iii. Memastikan sekurang-kurangnya 40% menjelang akhir 2010 keperluan jentera pertanian seperti traktor 4 roda, jentuai dan jentanam (Transplanter) secara sewaan kepada petani di kawasan jelapang dan luar jelapang.

iv. Menyediakan pembiayaan jentera sederhana dan besar melalui pinjaman Agro Bank sebanyak RM 70 juta kepada petani-petani.

6. Kempen Meningkatkan Kesedaran Pesawah untuk Mengurus dan Meningkatkan Pengeluaran padi

i. Setiap agensi diwajibkan mengadakan dan mempergiatkan kempen peningkatan hasil padi melalui Amalan Pertanian Baik (GAP) pada setiap musim.

ii. Memberi penerangan dan taklimat kepada petani mengenai kaedah pengurusan yang baik bagi meningkatkan hasil pengeluaran dan produktiviti.

iii. Meningkatkan kesedaran dan penyertaan peladang di dalam pengurusan penanaman padi berpusat (secara estet).

iv. Meningkatkan kesedaran kepada petani untuk menjadi usahawan yang berjaya dalam industri padi dan beras (huluan dan hiliran).

B. TINDAKAN JANGKA SEDERHANA DAN JANGKA PANJANG:-

1. Khidmat Sokongan Penyelidikan dan Promosi Teknologi

i. Meningkatkan keupayaan dan kecekapan pembekalan biji benih, pembaik baka dan biji benih asas.

ii. Mempromosikan teknologi-teknologi untuk mengatasi masalah-masalah pengeluaran bagi meningkatkan produktiviti padi.

iii. Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran di kalangan agen-agen pengembangan dan petani-petani.

2. Pembangunan Infrastruktur Saliran Dan Pengairan

i. Pembangunan sumber air baru di kawasan jelapang dan di luar jelapang seperti pembinaan kolam takungan air, telaga tiub, penggunaan semula air dan pembelian pam air.

ii. Mempertingkatkan kepadatan infrastruktur pengairan dan saliran ke tahap yang optima di kawasan-kawasan jelapang dan luar jelapang seperti MADA mempertingkat kepadatan dari 18m/ha kepada 30m/ha.

iii. Membina rangkaian jalan ladang baru untuk meningkatkan kecekapan pengurusan ladang.

iv. Pengawalan banjir di kawasan pertanian dengan pembinaan ban-ban penghalang banjir di kawasan jelapang dan di luar jelapang.

v. Kaedah pelaksanaan projek-projek di bawah pembangunan infrastruktur saliran dan pengairan ini ialah secara reka dan bina serta tawaran terbuka.

3. Program Jelapang Padi Sabah

i. Menubuhkan pasukan petugas khas yang terdiri daripada Kementerian Pertanian dan Makanan Sabah dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia untuk menyelaras dan memandu perlaksanaan projek komersil padi di Sabah.

ii. Pembukaan kawasan-kawasan baru jelapang padi secara komersial bagi meningkatkan pengeluaran beras negara.

iii. Membangunkan Program Pengeluaran Benih Padi Sah di Sabah mulai tahun 2009.

Program Jelapang Padi Sarawak

i. Menubuhkan pasukan petugas khas yang terdiri daripada Kementerian Pertanian dan Makanan Sarawak dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia untuk menyelaras dan memandu perlaksanaan projek komersil padi di Sarawak.

ii. Pembukaan kawasan-kawasan baru jelapang padi secara komersial bagi meningkatkan pengeluaran beras negara.

iii. Membangunkan Program Pengeluaran Benih Padi Sah di Sarawak mulai tahun 2009.

C. SASARAN OUTPUT:-

Sasaran output bagi Program Peningkatan Hasil Padi bagi tempoh 2008 – 2010 adalah seperti berikut:

Tahun	Pengeluaran Padi (mt)	Pengeluaran Beras (mt)	SSL (%)
2007	2.316	1.596	72.2
2008	2.518	1.637	73.4
2009	2.670	1.740	75.0
2010	2.738	1.780	80.0

JAWAPAN BAGI SOALAN (b)

(b) apakah jaminan Kerajaan dapat mengawal dasar BERNAS dalam membekalkan beras dan BERNAS tidak mengambil kesempatan daripada krisis beras.

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Bahagian Kawalselia Padi dan Beras Kementerian Pertanian dan Industri Padi dan Beras adalah dipertanggungjawabkan untuk mengawal selia dan memantau serta memastikan BERNAS menjalankan peranan dan tanggungjawab yang telah diberikan kepadanya berdasarkan perjanjian penswastaannya dengan kerajaan pada tahun 1996. Peranan dan tanggungjawab BERNAS ialah:

(i) Menyedia, mengurus, menyelenggara dan stokpail beras negara;
(ii) Menguruskan pembayaran Subsidi Harga Padi kerajaan dan Insentif Peningkatan Hasil ;
(iii) Menguruskan skim kilang-kilang padi bumiputera:

(iv) Membeli padi daripada petani-petani dengan harga minimu terjamin (Guaranteed Minimum Price atau GMP) yang telah ditetapkan oleh kerajaan: dan

(v) Bertindak sebagai pembeli beras terakhir daripada petani-petani.

Bahagian Kawalselia Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani membuat pemantauan harian mengenai harga dan bekalan beras bermula 1 April 2008. Bahagian ini mepunyai 153 orang kaki tangan yang bertanggungjawab dalam mengawal selia bekalan dan harga beras melalui 19 cawangan di seluruh negara.

Soalan No. 41

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUA BELAS
TAHUN 2008

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' SERI TIONG KING SING (BINTULU)

TARIKH : 5 MEI 2008

SOALAN :

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan :

a) adakah pihak Kementerian berhasrat untuk menambahkan peruntukan bagi menjalankan projek-projek jalan kampung,

elektrik, air dan kemudahan infrastruktur yang lain bagi tahun 2008 untuk negeri Sarawak terutamanya di kawasan Bintulu; dan

b) bilakah pihak Kementerian akan memulakan pembinaan jalan kampung hilir di Sebauh, Bintulu

JAWAPAN :

a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2008, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah memperuntukkan sejumlah RM293.95 juta bagi meningkatkan kemudahan prasarana dan utiliti di negeri Sarawak. Peruntukan tersebut meliputi RM24.4 juta bagi Projek Jalan Kampung(PJK), RM83.55 juta bagi Jalan Luar Bandar(JALB), RM76.5 juta bagi Bekalan Air Luar Bandar(BALB), RM97.0 juta bagi

Bekalan Elektrik Luar Bandar(BELB), RM2.5 juta bagi Lampu Jalan Kampung(LJK) dan RM10.0 juta bagi Program Ameniti Sosial(PAMS).

Kementerian juga telah mengemukakan permohonan tambahan siling peruntukan di dalam kajian separuh penggal RMK-9 dan perkara ini sedang dalam pertimbangan Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri dan sekiranya diluluskan, Kementerian bercadang menambah peruntukan sejumlah RM2.74 billion untuk pembangunan prasarana dan utiliti di negeri Sarawak.

Bagi tahun 2008 untuk kawasan Parlimen Bintulu, Kementerian telah memperuntukkan sejumlah RM800,000 bagi Projek Jalan Kampung(PJK), RM150,000 bagi Program Ameniti Sosial(PAMS)

dan RM159,000 bagi Bekalan Air Luar Bandar(BALB).

Bagi Bekalan Elektrik Luar Bandar(BELB), Kerajaan Negeri Sarawak melalui Kementerian Kemudahan Awam Sarawak telah menyenaraikan 21 projek BELB bernilai RM6.4 juta sebagai keutamaan untuk pelaksanaan pada tahun 2008. Bagi Jalan Luar Bandar(JALB), sejumlah RM15.98 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan 3 projek dalam RMK9.

b) Mengenai pembinaan jalan Kg. Hilir, Sebauh Bintulu, sukacita dimaklumkan pada masa ini proses rundingan harga sedang berjalan dan projek ini dijangka akan memulakan pembinaannya pada bulan Jun 2008.

SOALAN NO: 42

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA (PARIT)**

TARIKH : **5 MEI 2008 (RABU)**

SOALAN : **TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA (PARIT)** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:

Adakah kajian saintifik dilakukan untuk mengatasi masalah musuh tanaman padi khususnya siput gondang yang meresahkan pesawah padi yang mengakibatkan kemerosotan hasil padi

Jawapan :

Siput Gondang *Pomacea* merupakan perosak berbahaya yang memakan tanaman padi iaitu pada umur padi 1 hari – 20 hari selepas ditanam. Serangan yang serius boleh menyebabkan anak padi tidak tumbuh selepas benih ditabur.

Jabatan Pertanian dengan kerjasama MARDI dan Universiti telah melaksanakan beberapa kajian saintifik untuk melaksanakan pengesanan dan kawalan serangan perosak tanaman padi. Hasil daripada kajian-kajian tersebut satu pakej kawalan bagi Siput Gondang telah dirangka. Kawalan-kawalan ini meliputi:-

- mengutip dan memusnah telur dan siput dewasa
- membajak kering dan menabur kering
- memasang bubu/jaring bersaiz 6 mm di pintu masuk dan keluar air untuk menyekat pergerakan siput
- mengairkan sawah ke paras kurang dari 3 cm hingga 5 cm semasa padi di peringkat awal (< 35 hari)
- meratakan tanah supaya kedalaman air dapat disamakan
- menggali parit ladang di sekeliling sawah

- meletakkan pancang kayu di kawasan parit ladang untuk siput bertelur dan telur dimusnahkan atau pancang dibalikkan setiap 3 hari

- meletakkan umpan seperti kulit nangka, daun ubi kayu, kangkung, daun keledek dan lain-lain lagi sebagai umpan di parit ladang

- membela itik dan melepaskan itik di sawah sebelum menabur dan selepas padi berumur 35 hari

- membela ikan di dalam bendang/taliair seperti ikan keli, kap hitam, puyu/lampam, tilapia dan lain-lain

- mengawal pergerakan jentera pembajak dan jentuai dengan memastikan ianya dibersihkan setiap kali keluar dari kawasan yang terdapat siput gondang

- pengiliran tanaman padi dengan tanaman lain

- kawalan kimia menggunakan racun seperti Tea Seed cake, Baylucide, dan metaldehyde

Pada masa kini serangan siput gondang ke atas tanaman padi adalah terkawal dan berada dibawah paras ambang ekonomi (ETL) iaitu tidak melebihi 5 peratus. Walau bagaimanapun Jabatan Pertanian akan terus menjalankan pengawasan status perosak tersebut dan melaksanakan kawalan dari masa ke semasa jika serangan melebihi tahap ETL(Economic Thresh Hold Level).

SOALAN NO.: 43

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMMED
[PULAI]

TARIKH : 5 MEI 2008

SOALAN : 43

Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulai] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memperbaiki kelemahan pentadbiran dan kelengkapan di pejabat-pejabat tanah di seluruh negara yang menyebabkan kurang kelengkapan dari segi penyimpanan rekod dan kelambatan dari segi kelulusan hak milik dan pengeluaran geran tanah.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan pentadbiran tanah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri kecuali tanah milik Kerajaan Persekutuan. Memang terdapat kelemahan-kelemahan tertentu dalam pengurusan dan pentadbiran tanah di negeri-negeri; khususnya dari aspek kelewatan dalam pemprosesan urusan-urusan tanah, permohonan tanah dan pendaftaran serta pengeluaran hakmilik tanah. Untuk membantu Kerajaan-kerajaan Negeri mengatasi kelemahan-kelemahan ini, Kerajaan Persekutuan telah mengambil beberapa langkah seperti menubuhkan Pasukan Petugas Khas (*Flying Squad*), memperkenalkan Strategi Baru Urusan Pentadbiran Tanah (SBUPT), di samping melaksanakan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB), Sistem *e-Consent* dan Sistem e-Tanah.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 44

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL HALIM BIN ABDUL RAHMAN [PENGKALAN CHEPA]

TARIKH : 5 MEI 2008

SOALAN : 44

Dato' Haji Abdul Halim Bin Abdul Rahman [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan bilakah Kerajaan akan menyempurnakan projek penambakan pantai-pantai Sabak, Kuala Pak Amat dan Pantai Kundor di Kelantan yang semakin hari semakin teruk mengalami hakisan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Bagi kawasan Parlimen Pengkalan Chepa, kebanyakan kawasan pantai yang menghadapi masalah hakisan telah pun dilindungi dengan lapisan lindung batu. Di antara kawasan-kawasan yang telah dilindungi ialah Pantai Dasar Sabak, Kampung Tanjung Kuala, Kuala Kitang, Kampung Kemerok dan Kampung Teritam yang melibatkan 2.1 km pantai dengan kos RM 6.6 juta. Projek-projek ini yang dilaksanakan secara berperingkat dari 2003 hingga 2007 telah pun berjaya mengawal masalah hakisan tersebut. Satu lagi pakej pembinaan lapis lindung telah dicadangkan di kawasan ini, namun pelaksanaannya akan bergantung kepada kelulusan peruntukan tambahan di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke-9.

Sekian, terima kasih.

Soalan No: 45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

DARIPADA : DATUK ISMAIL BIN KASIM (ARAU)
PERTANYAAN : MULUT

TARIKH : 05.05.2008

Datuk Ismail bin Kasim **(Arau)** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan setakat mana kebenaran yang kita sering mendengar adanya GLC-GLC yang tidak teragak-agak bersaing dengan usahawan/Bumiputera, termasuk menarik balik kontrak Bumiputera dan menggantikan pembekal Bumiputera dengan bukan Bumiputera. Mengapakah GLC-GLC memandangkan remeh usaha memperkukuhkan penyertaan Bumiputera ekonomi dan perniagaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengekalkan pemilikannya dalam sektor strategik melalui GLC di mana sebahagiannya merupakan syarikat tersenarai di Bursa Malaysia dan tidak bergantung pada bantuan kewangan Kerajaan sama ada dalam bentuk geran atau pinjaman. GLC ini sebagai entiti komersial akan terus bersaing dengan syarikat swasta lain dalam industri yang diceburi seperti CIMB dengan bank-bank tempatan dan antarabangsa, MAS dengan Air Asia, TM dengan Maxis dan Digi dan lain-lain. Kerajaan berpandangan ia merupakan satu persaingan yang sihat dan memberi faedah kepada rakyat

selaku pengguna melalui kadar perkhidmatan yang lebih rendah dan mutu perkhidmatan yang lebih baik.

Walau bagaimanapun, Kerajaan tetap tegas dan komited dengan peranan GLC dalam mendukung agenda pembangunan negara. Jawatankuasa Putrajaya mengenai Prestasi Tinggi GLC yang dipengerusikan oleh saya sendiri telah menerbitkan garis panduan seperti Buku Merah untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan proses pemerolehan dan Buku Perak untuk pelaksanaan tanggungjawab sosial. Garis panduan ini antara lain telah menggariskan dengan jelas tanggung jawab GLC untuk menyokong agenda pembangunan negara termasuk usaha membangunkan usahawan tempatan dan usahawan Bumiputera.

Tuan Yang Dipertua,

Dakwaan bahawa GLC memandang remeh usaha memperkukuhkan penyertaan Bumiputera dalam bidang ekonomi dan perniagaan adalah tidak benar. Sukacita dilaporkan bahawa GLC telah menunjukkan komitmen mereka dalam usaha meningkatkan penyertaan dan membangunkan keupayaan usahawan tempatan terutamanya Bumiputera untuk jangka masa yang panjang. Contohnya, syarikat Ingress Corporation Berhad yang merupakan antara syarikat pembekal kepada PROTON kini telah berjaya menjadi syarikat pengeluar bingkai pintu

terbesar di ASEAN dan kemampuannya diiktiraf apabila menerima Anugerah Pembuat Komponen Automotif Terbaik semasa Anugerah Automotif ASEAN 2007 Frost & Sullivan tahun lalu.

Beberapa contoh Program Pembangunan Vendor Bumiputera (BVDP) di GLC adalah seperti berikut:

(i) Telekom Malaysia Berhad (TM) telah menganugerahkan kontrak bernilai RM282.1 juta kepada 29 vendor Bumiputera di antara tahun 2005 sehingga 2007 di bawah Program Keusahawanan TM.

(ii) Tenaga Nasional Berhad (TNB) membelanjakan RM238 juta bagi perolehan melalui Program Pembangunan Usahawan TNB dalam tahun 2006.

Di samping itu, beberapa contoh lain yang mempamerkan kesaksamaan pemberian kontrak oleh GLC kepada vendor tempatan/Bumiputera di antaranya adalah seperti berikut:

(i) Daripada perolehan TM bernilai RM3.0 bilion dalam tahun 2007, sebanyak RM2.1 bilion atau 72 peratus adalah bagi vendor Bumiputera.

(ii) Daripada perolehan TNB bernilai RM3.7 bilion dalam tahun 2006, sebanyak RM2.3 bilion atau 61.5 peratus adalah bagi vendor Bumiputera.

(iii) Walau bagaimanapun, Kerajaan akan sentiasa mengambil tindakan untuk memperbaiki

kekurangan yang terdapat dalam kaedah terkini untuk membantu pengusaha-pengusaha Bumiputera dengan lebih efektif.

Soalan No : 46

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. MARIAH BINTI MAHMUD (KOTA RAJA)

TARIKH : 5.5.2008

SOALAN:

Y.B. DR. MARIAH BINTI MAHMUD (KOTA RAJA) minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan telah memulakan langkah kajian dan penyelidikan secara saintifik terhadap kesan dasar pengajaran dan pembelajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris. Apakah kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam Bahasa Melayu yang menyebabkan pengajaran subjek berkenaan dalam Bahasa Inggeris diperkenalkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Dalam menentukan keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sememangnya amat bergantung kepada dapatan kajian dan penyelidikan. Antaranya adalah untuk menilai tahap pelaksanaan, keberkesanan serta usaha memantapkan pelaksanaan dasar ini di sekolah. Oleh itu kajian dan penyelidikan menjadi satu agenda penting dalam pelaksanaan PPSMI.

Pada masa ini beberapa bentuk kajian dan pemantauan terhadap pelaksanaan PPSMI dijalankan sejak dasar ini mula dilaksanakan pada 2003. Di samping inisiatif ini, KPM juga membuka ruang dan menggalakkan pelbagai pihak termasuk penyelidik di Pusat Pengajian Tinggi Awam bagi menjalankan kajian dan penyelidikan. Dengan ini dapatan yang diperolehi dapat dijadikan rujukan

dan berfaedah kepada semua pihak. Senarai kajian-kajian dan pemantauan tersebut adalah seperti berikut;

i. Kajian pelaksanaan PPSMI
ii. Kajian Tahap Pencapaian Murid
iii. Kajian Kes Penggunaan Bahasa Inggeris dan Penggunaan ICT
iv. Meta Analisis Kajian PPSMI
v. Pemantauan Kolaboratif PPSMI
vi. Pemantauan Berkelompok PPSMI
vii. Analisis Ujian Diagnostik
viii. Penilaian Tahap Profisiensi Bahasa Inggeris Guru

Pada 2008, satu penilaian yang lebih menyeluruh dijalankan dengan melibatkan setiap sekolah dan setiap guru Sains dan Matematik di seluruh negara.

Pelaksanaan dasar PPSMI ini tidak bermaksud pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Melayu itu lemah. Sebaliknya perubahan ini berlaku atas keperluan semasa dan masa depan negara. Perkembangan persekitaran ekonomi dunia membawa negara kita berdepan dengan cabaran baru. Keadaan ini memaksa agenda pembangunan tenaga manusia turut berubah mengikut keperluan negara. Tenaga manusia yang dilahirkan melalui sistem persekolahan harus mempunyai sifat pekerja berilmu yang kreatif dan kritis. Mereka harus berfikiran terbuka, ingin menguasai kemahiran dan ilmu baru.

Langkah tidak mengajar dalam bahasa Malaysia tidak bermakna bahasa ibunda diketepikan. Sememangnya kita perlu terus memartabatkan bahasa Malaysia. Pada masa yang sama kita tidak boleh selesa dengan menguasai satu bahasa sahaja, atau berasa terjamin dengan pengetahuan daripada buku teks semata-mata. Sebaliknya daya saing dan keupayaan rakyat negara ini akan meningkat sekiranya menguasai lebih banyak bahasa. Atas dasar ini juga, KPM memperkenalkan beberapa bahasa di peringkat sekolah agar negara dapat

melahirkan murid yang menguasai lebih banyak bahasa, seterusnya potensi untuk menerokai ilmu yang lebih luas.

Rjm 16

NO SOALAN: ~~36~~ 47

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP BIN BUMBURING @ WILFRED

TARIKH : 05 MEI 2008

SOALAN :

Datuk Seri Panglima Mojilip bin Mumburing @ Wilfred [Tuaran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menyelesaikan masalah-masalah pendatang haram dan kad pengenalan palsu di Sabah.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Dasar Kerajaan dalam menangani masalah kehadiran pendatang tanpa izin (PTI) adalah jelas iaitu mempertingkatkan tindakan pencegahan, endakwaan dan pengusiran PTI balik ke negara asal masing-masing.

Langkah pencegahan dilaksanakan dengan mempertingkatkan kawalan di kawasan perairan, sempadan dan pintu masuk ke negara ini. Dalam masa yang sama, pihak Kerajaan juga sedang dan akan terus mempertingkatkan tindakan-tindakan mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir golongan ini. Namun demikian, pihak Kerajaan juga sedar bahawa keberkesanan usaha-usaha ini memerlukan kerjasama dari rakyat tempatan terutamanya dari segi pemberian maklumat akan kehadiran mereka serta tidak memberikan pekerjaan dan perlindungan kepada mereka. Oleh yang demikian, pihak Kerajaan juga sedang dan akan terus melaksanakan program-program yang boleh meningkatkan kesedaran dan kerjasama rakyat tempatan dalam menangani masalah ini.

Bagi memperhebatkan lagi tindakan pengusiran, dua buah Pusat Tahanan Sementara (PTS) yang baru sedang dibina masing-masing di Papar dan Sandakan. Sementara itu, blok tahanan tambahan di Pusat Tahanan Tawau ditambah daripada empat kepada enam buah blok.

Penambahan PTS di Papar dan Sandakan serta pembesaran PTS Tawau adalah tambahan kepada bilangan PTS yang sedia ada di Sabah sekarang

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. (48)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	Y.B. DATUK HALIMAH BT MOHD SADIQUE (TENGGARA)
TARIKH	:	5 MEI 2008 (ISNIN)

SOALAN :

Y.B. DATUK HALIMAH BT MOHD SADIQUE (TENGGARA) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan selepas penswastaan pengurusan sisa pepejal sepenuhnya berlaku, adakah pihak pemegang konsesi akan dipertanggungjawabkan untuk menyediakan pusat-pusat pemindahan, kemudahan pelupusan dan rawatan sisa pepejal atau adakah ada pihak lain yang akan dilantik.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penswastaan penuh pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam seperti yang di putuskan oleh Kerajaan hanya meliputi aktiviti mengutip dan mengangkut sisa pepejal daripada isirumah sahaja. Penswastaan penuh yang akan dilaksanakan secara bersepadu ini membawa makna bahawa hanya perkhidmatan pengurusan sisa pepejal daripada isirumah akan diberikan kepada syarikat konsesi manakala tanggungjawab menyediakan kemudahan pengurusan sisa pepejal seperti tapak pelupusan, insinerator, *material recovery facilities* dan pusat-pusat pemindahan akan dibukakan kepada pihak lain termasuk juga syarikat konsesi sekiranya mereka berminat.

Pendekatan demikian diambil bagi membolehkan hanya mereka yang dapat mengemukakan teknologi terkini, terbukti, mesra alam dan kos efektif sahaja dilulus untuk membina dan diberi lesen bagi mengoperasi kemudahan-kemudahan sedemikian. Kementerian percaya pendekatan sedemikian dapat meningkatkan mutu pengurusan sisa

pepejal di Negara ini ditingkatkan kepada satu tahap yang lebih berkesan dan cekap.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan
Mei 2008

NO: 49

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA [PARIT BUNTAR]**
TARIKH	:	**5 MEI 2008 [ISNIN]**
SOALAN	:	Oleh **Y.B. DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapakah jumlah kesalahan undang-undang perikanan dan laut yang direkodkan di kawasan perairan Tanjung Piandang dan Kuala Kurau.
JAWAPAN	:	**Oleh Y.B. Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani**

Tuan Yang Dipertua,

Pada tahun 2007, sebanyak 11 kes kesalahan undang-undang perikanan dan laut melibatkan 14 orang telah direkodkan di kawasan perairan Tanjung Piandang manakala sebanyak 63 kes melibatkan seramai 78 orang direkodkan di kawasan Kuala Kurau.

Bagi tahun 2008, sehingga bulan Mac sebanyak 2 kes melibatkan 5 orang telah direkodkan bagi perairan Tanjung Piandang manakala sebanyak 22 kes melibatkan 40 orang bagi perairan Kuala Kurau.

Kesalahan-kesalahan yang sering dilakukan di kawasan perairan Tanjung Piandang dan Kuala Kurau berdasarkan kepada Syarat dan Peraturan di bawah Akta Perikanan 1985 adalah seperti berikut:

(i) melanggar syarat kawasan tangkapan, sebagai contohnya penggunaan pukat kenka dan pukat tunda hanya dibenarkan di kawasan perairan lebih daripada 5 batu nautika dari pantai dimana sesiapa yang didapati menangkap ikan di kawasan kurang daripada 5 batu nautika dari pantai akan dikenakan tindakan undang-undang;

(ii) menggunakan orang asing yang tidak mempunyai permit untuk menangkap ikan; dan

(iii) menjalankan aktiviti penangkapan diluar masa yang dibenarkan dimana penggunaan pukat kenka hanya dibenarkan bermula pada jam 7 pagi hingga jam 7 petang sahaja.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	Bertulis
DARIPADA	:	YB Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir
TARIKH	:	5 Mei 2008
SOALAN	:	YB Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:-

* Soalan umum kena gabung dgn dupn sebb tajuknya dan tentang.

Apakah Kementerian mempunyai perancangan untuk memberi apa jua bantuan kepada warga tani supaya dapat meringankan beban yang harus mereka tanggung memandangkan kos pengeluaran produk pertanian semakin meningkat.

JAWAPAN :

Pihak jabatan telah memberi cadangan insentif kepada Sub Sektor Akuakultur dan Perikanan Tangkapan bagi tujuan mengurangkan beban yang dihadapi oleh pengusaha ekoran kenaikan kos pengeluaran. Pihak Kementerian telah mengesyorkan kepada Kerajaan bentuk insentif pengeluaran bagi mengurangkan beban pengusaha.

Maklumat Tambahan

SOALAN NO:

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN-PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' MUKHRIZ BIN TUN DR. MAHATHIR [JERLUN]

TARIKH : 5 MEI 2008 [Rabu]

SOALAN : Oleh DATO' MUKHRIZ BIN TUN DR. MAHATHIR [JERLUN] minta **Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani** menyatakan:-

Kementerian mempunyai perancangan untuk memberi apa jua bantuan kepada warga tani supaya dapat meringankan beban yang harus mereka tanggung memandangkan kos pengeluaran produk pertanian semakin meningkat.

JAWAPAN : Oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

Tuan Yang Dipertua,

Bagi meringankan beban petani yang harus menanggung kos pengeluaran produk pertanian yang semakin meningkat, Kementerian Pertanian telah menyediakan beberapa bantuan kepada petani, penternak, pekebun kecil dan nelayan seperti berikut:

i) menyediakan dan meningkatkan kemudahan infrastruktur asas seperti jalan ladang, sistem pengairan dan kemudahan pendaratan ikan;
ii) menyediakan input dan peralatan pertanian;
iii) mengadakan khidmat sokongan teknikal;
iv) memberi latihan kemahiran teknikal, pemprosesan, pengendalian lepas tuai dan keusahawanan;
v) memperkenal penggunaan teknologi bagi meningkatkan produktiviti;
vi) memperbaiki sistem dan saluran pemasaran;
vii) menyediakan dana bagi pekebun kecil mempelbagaikan aktiviti pertanian;dan
viii) memberi bimbingan dan bantuan untuk menigkatkan prestasi persatuan-persatuan petani, penternak dan nelayan.

Selain itu, Kerajaan juga bercadang untuk memberikan insentif pengeluaran kepada petani berdasarkan kepada hasil pengeluaran. Perincian cadangan masih dalam perbincangan dan dijangka dengan pemberian insentif ini, tanggungan kos pengeluaran yang tinggi dapat di kurangkan dan pengeluaran makanan negara akan dapat ditingkatkan kepada RM5 bilion.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : **Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR (LEMBAH PANTAI)**

TARIKH : 5 MEI 2008

SOALAN: 55

Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR (LEMBAH PANTAI) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

(a) berapa jumlah penduduk yang hidup di bawah paras garis kemiskinan di Kuala Lumpur; dan

(b) berapakah jumlah penduduk di kawasan Lembah Pantai di bawah garis kemiskinan mengikut pecahan umur, jantina dan kaum.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut perangkaan terkini daripada Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS), tahun 2007 yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, anggaran bilangan isi rumah yang berada di bawah paras kemiskinan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah berjumlah 5,000 isi rumah dengan kadar kemiskinan sebanyak 1.5 peratus. Angka anggaran ini adalah sama dengan anggaran tahun 2004 sebanyak 5,000 isi rumah.

Tuan Yang di-Pertua,

Maklumat mengenai jumlah penduduk yang berada di bawah garis kemiskinan mengikut umur, jantina dan kaum di kawasan Lembah Pantai secara khusus tidak dapat diberikan memandangkan perangkaan HIS 2007 yang dijalankan adalah dalam bentuk pensampelan dan bukan bancian. Ia hanya meliputi penyiasatan di peringkat negeri, bandar dan luar bandar sahaja.

SOALAN NO : 52

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. TUAN NGEH KOO HAM (BERUAS)**
TARIKH	:	**5 MEI 2008**
SOALAN	:	**828**

Y.B. Tuan Ngeh Koo Ham (Beruas) minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat meminda peraturan di bawah Akta Pendaftaran Negara 1952 yang mengenakan denda tidak kurang daripada RM3,000.00 kepada mereka yang lupa membawa kad pengenalan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Beruas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan denda tidak membawa kad pengenalan seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat diperuntukkan di bawah Peraturan 25(1) Peraturan Pendaftaran Negara 1990. Mengikut peruntukkan ini orang-orang yang disabitkan dengan kesalahan kad pengenalan akan dikenakan hukuman denda minimum RM3,000.00 dan tidak melebihi RM20,000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun.

Kementerian saya sedar bahawa kesalahan-kesalahan yang dinyatakan di bawah Peraturan 25(1) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara adalah merangkumi memperuntukkan kesalahan-kesalahan berat dan kesalahan ringan berhubung dengan kad pengenalan. Memandangkan kesalahan tidak membawa kad pengenalan dikategorikan kesalahan-kesalahan ringan maka pada Mei 2007 peruntukan berkenaan telah dipinda. Pindaan baru bagi orang-orang yang disabitkan dengan kesalahan kad pengenalan ialah dikenakan denda tidak melebihi RM20,000.00 atau penjara tidak melebihi tempoh 3 tahun. Peruntukan yang tidak

mengenakan hukuman minimum ini akan memudahkan pihak mahkamah mengenakan apa-apa denda merujuk kesalahan yang dilakukan seperti yang dinyatakan di dalam peruntukan baru tersebut.

SOALAN NO : 53

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI

MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TIONG THAI KING

[LANANG]

TARIKH : 5 MEI 2008

SOALAN :

Tuan Tiong Thai King [Lanang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

a) bilangan doktor asing yang sedang berkhidmat di seluruh negara mengikut negara asal mereka; dan

b) nisbah seorang doktor dengan pesakit.

Tuan Yang di-Pertua,

a) Jumlah keseluruhan doktor asing yang sedang berkhidmat di seluruh negara adalah seramai 477 orang yang datang dari 22 buah negara.

Tuan Yang di-Pertua,

b) Nisbah terkini doktor dengan rakyat Malaysia adalah pada kadar 1 : 1,145.

Soalan No: 54

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	Y.B. TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN (PASIR PUTEH)
TARIKH	:	5 MEI 2008 (ISNIN)

SOALAN:

Tuan Muhammad bin Husain (Pasir Puteh) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan keberkesanan pertubuhan-pertubuhan belia hampir 6000 buah di seluruh negara yang dilihat gagal bergerak dengan berkesan. Apakah langkah yang diambil Kementerian untuk mengatasi masalah tersebut.

JAWAPAN

1. Persatuan belia adalah merupakan sebuah entiti penting buat Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dalam melaksanakan agenda pembangunan belia yang telah dirancangkan. Hal ini kerana persatuan belia di lihat amat berkesan bagi membolehkan Kerajaan mendampingi generasi belia tanpa sebarang halangan. Secara umumnya, bagi KBS persatuan belia telah berjaya memainkan peranan mereka masing-masing sebagaimana yang diperuntukkan dalam pertubuhan belia berkenaan. Atas dasar kejayaan inilah, KBS telah memberi sepenuh kepercayaan kepada pertubuhan belia dan menjadikan pertubuhan-pertubuhan ini sebagai rakan kongsi utama dalam pelaksanaan program.

2. Atas kepercayaan tersebutlah maka, KBS sentiasa menyediakan sejumlah program untuk dirancang dan dianjurkan oleh pertubuhan-pertubuhan belia sama ada di peringkat daerah, negeri ataupun kebangsaan. Contohnya bagi tahun 2007 di bawah peruntukan RMK-9, KBS telah memperuntukkan sejumlah 91 program kepimpinan Majlis Belia Daerah, 15 program kepimpinan Majlis Belia Negeri dan 26 program kepimpinan pertubuhan belia peringkat kebangsaan. Selain daripada itu, KBS turut menyediakan sejumlah 13 program seminar kepimpinan Massa di peringkat negeri dan program ini adalah dianjurkan secara bersama antara pertubuhan belia dan Jabatan Belia dan Sukan Negeri. KBS turut mengembang luaskan pelaksanaan Program Jati Diri Kesukarelaan Nasional (PJKN) hingga melibatkan pertubuhan belia. Pada awal pelaksanaan program ini ia dianjur dan dilaksanakan oleh Jabatan Belia dan Sukan Negeri dan Pejabat Belia Sukan Daerah, namun bermula tahun 2007 terdapat lebih 30 program PJKN ini telah diserahkan kepada pertubuhan belia untuk mengendalikannya.

3. Walau bagaimanapun harus diakui bahawa pertubuhan belia bukanlah berorientasikan kepada keuntungan dan atas dasar tersebut mereka harus sentiasa dibantu dalam pelaksanaan program bagi membolehkan pertubuhan belia ini dapat bergerak aktif dan dapat melaksanakan segala program yang telah dirancangkan dengan sebaiknya.

4. Bagi tujuan tersebut, setiap tahun KBS sentiasa memperuntukkan sejumlah bantuan pentadbiran dan aktiviti bagi membantu pertubuhan belia melaksanakan pelbagai program yang telah mereka rancangkan. Jenis bantuan yang diberikan kepada

pertubuhan belia adalah terbahagi kepada dua jenis bantuan yang utama iaitu bantuan pentadbiran dan bantuan aktiviti. Bantuan pentadbiran bertujuan untuk membantu pertubuhan belia untuk mengurus pertubuhan berkenaan dalam sesuatu tahun kewangan sementara bantuan aktiviti diberikan kepada pertubuhan belia untuk melaksanakan aktiviti yang dirancangkan. Bantuan pentadbiran hanya diberikan kepada 30 Pertubuhan Belia Peringkat Kebangsaan, 14 Majlis Belia Negeri dan 92 Majlis Belia Daerah. Jumlah bantuan yang diberikan sepanjang tiga tahun ini adalah seperti berikut:

Tahun 2005	-	RM 3,56,000.00 juta
Tahun 2006	-	RM 3,830,000.00 juta
Tahun 2007	-	RM 4,170,000.00 juta
Tahun 2008	-	RM 4,290,000.00 juta

5. Sementara itu bagi bantuan aktiviti pula ianya tidak spesifik kepada pertubuhan belia yang tertentu tetapi sebaliknya berdasarkan kepada permohonan yang diterima daripada pertubuhan-pertubuhan belia daripada semua peringkat sama ada daerah, negeri atau kebangsaan. Jumlah kelulusan bantuan aktiviti yang diluluskan sepanjang tiga tahun ini adalah seperti mana berikut::

Tahun	BANTUAN AKTIVITI			
	Bilangan Permohonan	**Jumlah Permohonan (RM)**	**Bilangan Lulus**	**Jumlah Lulus (RM)**
2005	477	12,705,093.00	132	4,611,470.00
2006	215	11,806,292.00	156	6,242,202.00
2007	509	20,070,929.00	233	9,943,367.00

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' SERI ONG KA TING (KULAI)**
TARIKH	:	**05.05.2008 (ISNIN)**
SOALAN	:	**55**

DATO' SERI ONG KA TING (KULAI) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan bagaimana Kerajaan boleh memberi jaminan kepada semua pelabur asing yang sedang melakukan usaha sama dengan warganegara Malaysia dalam bidang *"distributive trade"* supaya tidak dipaksa untuk menstrukturkan semula ekuiti syarikatnya dengan mengumumkan satu dasar yang jelas agar pelabur asing dan pelabur domestik tidak lagi diletak dalam keadaan ketidaktentuan sehingga mereka enggan melabur secara besar-besaran.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Tatacara yang jelas telah digariskan oleh Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta Kementerian Kewangan dalam penstrukturan semula ekuiti syarikat berkepentingan asing. Berpandukan kepada tatacara tersebut, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna melalui Garispanduan Penyertaan Asing Dalam Sektor Perdagangan Pengedaran yang telah digunapakai sejak tahun 1995 telah menggariskan tatacara bagi memastikan pembangunan industri perdagangan pengedaran adalah

teratur serta selaras dengan dasar-dasar utama negara. Tatacara yang digariskan ini adalah jelas dan memadai bagi panduan pelabur asing.

Pelbagai insentif telah diperkenalkan kepada pelabur-pelabur asing untuk melabur di dalam negara jika mereka mematuhi segala dasar serta garispanduan sedia ada. Bagi syarikat-syarikat yang berkepentingan asing yang tidak dapat menstruktur ekuiti syarikatnya, Kerajaan dalam hal ini akan memberikan tempoh lanjutan yang difikirkan sesuai bagi syarikat-syarikat tersebut untuk memenuhi syarat ekuiti.

DISEDIAKAN OLEH
Nama : Encik Nik Mohamed Husni bin Nik Ali,
Bahagian Perdagangan Dalam Negeri.
(Tel : 8882 5834 / 019-277 0824)

DISEMAK DAN DILULUSKAN OLEH
Nama : Encik Ismail bin Ahmad,
Pengarah Kanan,
Bahagian Perdagangan Dalam Negeri.
(Tel : 8882 5838)

DISELARAS SEMULA OLEH :
Nama : Hj. Mokhtar bin Hj Sulaiman,
Setiausaha Bahagian,
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan.

DILULUSKAN OLEH :
Nama : Puan Mahani Tan Abdullah,
Timbalan Ketua Setiausaha (K&P).

Soalan No: 56

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA : Y.B. TUAN AMRAN BIN AB GHANI (TANAH MERAH)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 05.05.2008

Y.B. Tuan Amran Bin Ab Ghani (Tanah Merah) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan matlamat sebenar penghapusan cukai jalan motosikal bawah 150 CC sebaliknya menaikkan kadar premium insurans mengakibatkan kadar keseluruhan yang perlu dibayar oleh rakyat sama sahaja.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penghapusan cukai jalan motosikal tidak melebihi 150 cc merupakan satu daripada inisiatif Kerajaan yang diumumkan dalam Bajet 2004 bagi mengurangkan beban kewangan golongan berpendapatan rendah, belia dan penuntut pengajian tinggi. Penghapusan cukai jalan berkenaan tiada hubungkait dengan penetapan kadar premium insurans.

Kadar premium insurans tidak mengalami sebarang kenaikan semenjak penghapusan cukai jalan motosikal pada tahun 2004.

NO : 57

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN WEE CHOO KEONG (WANGSA MAJU)**
TARIKH	:	**05.05.2008 (ISNIN)**
SOALAN	:	**57**

TUAN WEE CHOO KEONG (WANGSA MAJU) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** Menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil atau yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menghalang kenaikan berterusan harga barang-keperluan seperti petrol, beras, minyak masak, tepung, susu tepung dan lain-lain.

Tuan Yang Dipertua,

Menangani isu kenaikan harga barang adalah merupakan agenda utama Kerajaan. Langkah yang telah diambil bagi menangani isu ini adalah dengan melipatgandakan pemantauan dan pemeriksaan secara berterusan di seluruh negara ke atas pembekal, pengedar, pemborong serta peruncit. Dalam tempohmasa Januari 2008 hingga 20 April 2008 pula, sejumlah 328,352 pemeriksaan telah dijalankan meliputi premis pengilang, pengimport, pemborong, kedai runcit, pasaraya, pasar malam, pasar awam, kedai makan, kedai pakaian, kedai perabut dan lain-lain. Hasil daripada pemeriksaan ini, sebanyak 550

kes telah dihasilkan di bawah pelbagai akta yang dikuatkuasakan dengan nilai rampasan keseluruhan adalah sebanyak RM 731,055.95.

Kerajaan juga terus melaksanakan kawalan harga sepanjang masa di bawah Akta Kawalan Harga 1946 ke atas gula pasir bertapis kasar dan halus. Kawalan harga secara pentadbiran ke atas 10 jenis barang kawalan iaitu petrol, diesel, gas petroleum cecair, tepung gandum, susu pekat manis, roti *(standard white loaf),* ayam, minyak masak, simen dan bar besi keluli lembut masih berkuatkuasa dan harga kawalannya masih mengikut harga yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Satu Pasukan Petugas Khas Menangani Kenaikan Harga juga digerakkan bagi memastikan aktiviti mencatut dapat ditangani secara menyeluruh. Pasukan Petugas Khas ini dianggotai oleh agensi penguatkuasaan Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Kastam DiRaja, Kementerian Kesihatan, Jabatan Imigresen dan lain-lain yang akan menguatkuasakan undang-undang mereka dengan objektif untuk mengambil tindakan bersepadu bagi menangani kenaikan harga barangan di pasaran.

Tuan Yang Dipertua,

Antara langkah baru yang telah diambil oleh Kerajaan untuk membendung kenaikan harga dan inflasi ialah;

1. Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet Membendung Inflasi yang dipengerusikan sendiri oleh Y.A.B Perdana Menteri. Mesyuarat Jawatankuasa ini diadakan pada setiap minggu bagi

membincang dan mengenalpasti langkah-langkah baru untuk menangani kenaikan harga barangan. Mesyuarat pertama Jawatankuasa ini telah pun diadakan pada 1 April 2008. Pada mesyuarat tersebut telah dibentangkan Dasar Jaminan Makanan Negara. Melalui dasar ini beberapa cadangan telah dikemukakan, antaranya ialah menambah kawasan penanaman padi, pengwujudan stok penimbal dan program Buku Hijau. Sebanyak RM4 bilion juga telah diperuntukkan di bawah dasar ini untuk menjamin bekalan makanan mencukupi dan pada harga yang berpatutan.

2. Program subsidi untuk barang-barang perlu serta penstabilan harga runcit bagi barang – barang ini terus dilaksanakan dan meliputi barangan seperti beras, minyak masak, tepung, besi dan simen. Selain itu, sistem pengedaran barangan sedia ada akan dipertingkat dan ditambah baik. Pada masa yang sama, Kerajaan akan mengkaji Akta Kawalan Harga 1946 dan kawalan input bagi beberapa barangan tertentu agar ianya tidak akan membebankan pengguna.

3. Peningkatan harga minyak mentah dunia menyebabkan Kerajaan perlu mengeluarkan perbelanjaan yang tinggi untuk subsidi ke atas diesel dan petrol. Oleh yang demikian, sistem pengurusan subsidi akan dipertingkatkan supaya ketirisan penyaluran diesel dan petrol bersubsidi ini kepada golongan sasar dapat dibanteras.

4. Dalam menguruskan subsidi ini, tiga prinsip utama akan digunapakai iaitu:

a. Penyeragaman ke atas harga barang-barang perlu yang mendapat subsidi serta diselaras harga barang kawalan di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak;

b. Menentukan senarai barangan yang perlu diberi subsidi oleh Kerajaan; dan

c. Mengenalpasti dan menentukan kumpulan sasaran yang akan menikmati subsidi daripada Kerajaan.

SOALAN NO: 58

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD [SHAH ALAM]**
TARIKH	:	**5 MEI 2008**
RUJUKAN	:	**829**

Soalan: 58

Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa banyakkah operasi RELA yang telah dilakukan ke atas pendatang tanpa izin sepanjang 2007 hingga kini dan berapa jumlah pendatang tanpa izin yang ditangkap dan apakah kesalahan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Shah Alam kerana bertanyakan soalan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan operasi RELA menangkap Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) pada sepanjang tahun 2007 hingga 15 April 2008 adalah sebanyak 7,213 operasi. Seramai 42,946 orang PATI telah ditangkap atas kesalahan mereka tidak mempunyai dokumen perjalanan, dokumen tamat tempoh dan penyalah guna permit yang dikeluarkan.

NO: 59

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**PUAN CHUA SOON BUI (TAWAU)**
TARIKH	:	**05.05.2008 (ISNIN)**
SOALAN	:	**59**

PUAN CHUA SOON BUI (TAWAU) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan rancangan-rancangan yang akan dilaksanakan Kementerian bagi mengawal kadar inflasi berkaitan peningkatan kos barangan keperluan yang dijangka berlaku.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kenaikan harga barang akan memberi kesan ke atas kadar inflasi negara. Sehubungan itu, selain daripada kawalan dalam bentuk bekalan, Kerajaan juga mengenakan kawalan harga menerusi penetapan harga siling. Walaupun begitu, kawalan harga dan bekalan tidak dapat menjamin kestabilan harga dan juga inflasi. Justeru itu, Kerajaan terpaksa menggunapakai elemen subsidi bagi memastikan harga barangan keperluan tertentu berada pada tahap yang munasabah. Pemberian subsidi ini secara tidak langsung juga dapat mengurangkan tekanan kos ke atas barangan lain yang berhubung kait dengan barangan tersebut.

Kenaikan beberapa bahan mentah utama dunia sememangnya memberikan impak yang besar dan kenaikan harga barangan memang tidak dapat dielakkan. Kementerian sangat peka kepada

keadaan tersebut dan beberapa langkah awal telah pun dirangka dan dilaksanakan bagi mengimbangi kesan kenaikan barang-barang keperluan tertentu agar tidak membebankan pengguna secara khususnya. Antara langkah-langkah yang akan dilaksanakan ialah :

i. Mengkaji penstrukturan semula pemberian subsidi bagi petrol dan juga diesel;

ii. Penyelarasan harga runcit Gas Petroleum Cecair di seluruh Malaysia;

iii. Melanjutkan pemberian subsidi sebanyak RM20.4 juta sebulan kepada pengeluar tepung gandum tempatan;

iv. Cadangan pemberian subsidi sebanyak RM10 juta sebulan kepada pengusaha kilang roti tempatan; dan

v. Cadangan bagi memansuhkan kawalan harga bagi sesetengah barangan yang dikawal di bawah Akta Kawalan Harga 1946.

Dengan pelaksanaan langkah-langkah tersebut, adalah dijangka bahawa pasaran tempatan akan lebih proaktif dan kompetitif berbanding sebelumnya. Pengwujudan lebih banyak penyertaan industri akan memberi persaingan yang lebih sihat dalam membekalkan barangan di samping penawaran harga yang lebih baik kepada pengguna.

SOALAN NO. 60

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B TUAN LIEW CHIN TONG (BUKIT BENDERA)**

TARIKH : **5 MEI 2008**

SOALAN:

YB TUAN LIEW CHIN TONG (BUKIT BENDERA) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

(a) Apakah Kerajaan akan memperkenalkan pendaftaran pengundi automatik bagi membenarkan empat juta golongan muda didaftarkan sebagai pengundi.

(b) Apakah Kerajaan akan membentuk Suruhanjaya DiRaja kearah Reformasi Pilihan Raya bagi memastikan pilihanraya bersih, bebas dan adil.

JAWAPAN (a):

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem pendaftaran pemilih yang dilaksanakan pada masa ini adalah berasaskan kepada alamat pendaftaran seseorang mengikut alamat bermastautin sebagaimana yang tercatat di atas kad pengenalan pemohon atau di dalam pangkalan data alamat yang terdapat di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa seseorang warganegara yang telah mencapai umur 21 tahun dan bermastautin di sesuatu bahagian pilihanraya boleh memohon untuk mendaftarkan sebagai seorang pemilih. Mengikut sistem pendaftaran yang diamalkan oleh SPR pada masa kini, pendaftaran seseorang pemilih dibuat mengikut alamat bermastautin mereka sebagaimana yang tercatat di atas kad pengenalan seseorang pemohon ataupun mengikut alamat yang terdapat di dalam pangkalan data alamat di JPN.

Sistem pendaftaran ini adalah amat praktikal kerana seseorang pemilih itu didaftarkan berasaskan pada alamat tempat beliau bermastautin. Dengan ini, seseorang pemilih itu boleh mengundi di sesuatu pusat mengundi yang berdekatan dengan tempat kediaman masing-masing.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, andainya dilaksanakan sistem pendaftaran pemilih secara automatik, ia boleh menyebabkan timbulnya beberapa kesulitan kepada seseorang pemilih itu sendiri. Ini kerana, jika alamat yang tertera di dalam kad pengenalan ataupun yang terdapat di pangkalan data alamat di JPN menunjukkan bahawa seseorang pemilih itu menetap di sesuatu alamat tertentu sedangkan pada hakikat sebenarnya beliau telah berpindah ke sesuatu alamat baru tetapi tidak membuat pertukaran alamat di JPN, maka seseorang pemilih itu akan didaftarkan berdasarkan alamat bermastautin yang lama.

Pendaftaran ini tidak mematuhi kehendak Perlembagaan mengenai tempat mastautin sebenar pemilih berkenaan kerana beliau telah berpindah ke tempat lain. Jika berlaku pilihan raya, maka pemilih berkenaan akan menghadapi kesulitan untuk menentukan di pusat mengundi manakah beliau akan mengundi kerana namanya tidak disenarai di tempat mengundi tempat beliau bermastautin. Jika ramai pemilih berpindah tempat mastautin tetapi tidak memaklumkan kepada JPN, adalah dikhuatiri ramai pemilih tidak akan kembali mengundi jika pusat mengundi mereka terletak jauh dari tempat kediaman mereka.

Oleh kerana itu, dikhuatiri peratus pemilih yang keluar mengundi di bahagian pilihan raya berkurangan dan akan menjejaskan imej negara di kaca mata dunia. Berasaskan pada hakikat ini maka SPR belum lagi bersedia untuk membuat pendaftaran pemilih secara automatik.

JAWAPAN (b):

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengurusan pilihan raya yang dilaksanakan oleh SPR adalah berdasarkan kepada kerangka undang-undang dan peraturan-peraturan pilihan raya yang telah ditetapkan. Berasaskan kepada kerangka perundangan tersebut SPR telahpun melaksanakan tugas dan tanggugjawab mengendalikan pilihan raya yang bersih, bebas dan adil di Negara ini. Dalam mewujudkan sistem pilihan raya yang telus dan adil, kerangka perundangan masa kini juga membolehkan pihak-pihak yang dibenarkan oleh undang-undang yang tidak berpuashati dengan pengurusan pilihan raya yang dikendalikan oleh SPR kepada mana-mana Mahkamah Tinggi menerusi petisyen pilihan raya di bawah Perkara 118 Perlembagaan Persekutuan.

.....xxxxxxxxxxxx.....

Soalan No: 61

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : **Y.B. TUAN GWO-BURNE LOH (KELANA JAYA)**

PERTANYAAN : **MULUT**

TARIKH : **05.05.2008**

Y.B. Tuan Gwo-Burne Loh (Kelana Jaya) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah benar Kerajaan Malaysia tidak membenarkan rakyatnya membuat spekulasi di pasaran "Forex" kerana Kerajaan Barisan Nasional telah kerugian berjuta ringgit akibat penglibatan Bank Negara Malaysia di pasaran kewangan

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan membenarkan rakyat untuk berurus niaga mata wang asing seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 4 Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953. Menurut Seksyen tersebut, mana-mana pihak dibenarkan untuk berurus niaga mata wang asing dengan bank-bank berlesen tempatan yang merangkumi bank perdagangan, bank pelaburan, bank Islam dan bank Islam antarabangsa di Malaysia.

SULIT

NO SOALAN: ~~68~~ 62

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM
TARIKH : 5 MEI 2008

SOALAN

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Suruhanjaya Pilihan Raya dan Badan Pencegah Rasuah telah mengambil tindakan terhadap tindakan BN yang memberi RM200 kepada pengundi Kelantan yang bermastautin di Kuala Lumpur untuk balik membuang undi di Kelantan memandangkan ini merupakan perbuatan politik wang.

JAWAPAN

Badan Pencegah Rasuah (BPR) tidak ada menerima sebarang aduan rasmi berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Y.B. Seputeh. Berdasarkan maklumat dari sumber-sumber yang lain, BPR telah mengambil tindakan proaktif untuk membuat pemerhatian, pemantauan dan penyiasatan. Namun begitu, BPR tidak memperoleh bukti-bukti yang memenuhi kehendak kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

SULIT

Input dari Suruhanjaya Pilihan Raya

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia tidak mempunyai maklumat atau mengetahui perkara yang dibangkitkan oleh Y.B. dari Seputeh. Sekiranya Y.B. dari Seputeh mempunyai bukti yang jelas, beliau boleh membuat aduan rasmi kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil. Bagi kes-kes rasuah seperti yang didakwakan, SPR tidak mempunyai kuasa untuk mengambil sebarang tindakan.

SOALAN NO: 63

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHUA TEE YONG [LABIS]

TARIKH : 5 MEI 2008

RUJUKAN : 831

Soalan : 63

Tuan Chua Tee Yong [Labis] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian bagi mengurangkan kadar kejadian jenayah yang semakin meningkat di negara ini terutama sekali di bandar-bandar besar.

Tuan Yang Dipertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan-soalan dari Ahli Yang Berhormat Labis bertarikh 5 Mei 2008 dan Ahli Yang Berhormat Ampang bertarikh 6 Mei 2008 kerana ia mengenai perkara yang sama. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri telah mengambil tindakan-tindakan seperti meningkatkan *police presence* dengan penambahan keanggotaan dan memperbanyakkan rondaan; memperluaskan kerjasama dengan agensi-agensi lain dalam mengadakan operasi bersepadu serta badan-badan berkanun seperti Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) dan Malaysian Crime Prevention Foundation (MCPF) dalam mengadakan kempen-kempen pencegahan; menggiatkan program-program kesedaran dan pencegahan bersama masyarakat melalui program Rakan Cop dan Rukun Tetangga, melalui ceramah-ceramah, kempen-kempen menerusi media massa dan meletakkan kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan-kawasan tertentu. Setakat ini, keadaan jenayah adalah terkawal.

SOALAN NO: 69

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**DR. MOHD. PUAD BIN ZARKASHI (BATU PAHAT)**
TARIKH	:	**5 MEI, 2008 (RABU)**
SOALAN	:	**DR. MOHD. PUAD BIN ZARKASHI** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-

Apakah Kerajaan akan memansuhkan monopoli import barangan utama seperti beras dan gula dari sebuah atau dua buah syarikat supaya harga barangan menjadi murah kesan daripada persaingan sihat itu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan pada masa ini mempunyai perjanjian dengan BERNAS bagi mengimport beras dan perjanjian itu berkuatkuasa sehingga tahun 2011. Mengikut perjanjian penswastaan Syarikat Padiberas Nasional Berhad (BERNAS), BERNAS adalah diberi hak mengimport beras dan melaksana obligasi sosial yang ditetapkan oleh Kerajaan. Obligasi sosial yang perlu di laksanakan adalah seperti berikut :-

i. Mengurus dan menyelenggarakan stokpail negara sebnayak 92,000 MT setiap masa;

ii. Membeli padi daripada petani pada harga minimum terjamin (GMP) yang ditentukan oleh Kerajaan;

iii. Bertindak sebagai pembeli terakhir padi daripada pertani-petani;

iv. Mengurus pembayaran Skim Subsidi Harga Padi; dan

v. Mengurus Skim Pusat Belian Padi Bumiputera (SPB)

Walaubagaimana pun, Kerajaan berhak melantik syarikat-syarikat lain mengimport beras jika berlaku kecemasan seperti kekurangan bekalan beras dan ketidakstabilan harga beras, disebabkan BERNAS tidak berupaya memenuhi tanggungjawab seperti di dalam perjanjian.

No. Soalan : 65

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN NGA KOR MING**

TARIKH : **5 MEI 2008**

SOALAN

Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah rancangan dan dasar Kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan perkhidmatan pengangkutan awam dalam tempoh 2005 hingga 2010 khususnya perkhidmatan bas.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pengangkutan Awam (JKKMPA) telah memutuskan dan bersetuju supaya Dasar Pengangkutan Negara diwujudkan. Sehubungan itu, Kajian Pelan Induk dasar tersebut sedang disediakan yang diurusetiakan oleh Kementerian Pengangkutan. Walau bagaimanapun, Kementerian telah mengambil langkah-langkah bagi meningkat perkhidmatan pengangkutan awam bas seperti berikut :

i. Mewujudkan Tabung Pembangunan Pengangkutan Awam (TPPA) bertujuan untuk pembiayaan pinjaman membeli kenderaan baru, mengganti kenderaan dan meningkatkan kualiti kenderaan dengan kadar faedah yang rendah.

ii. Memastikan syarikat-syarikat pengangkutan awam mematuhi sasaran kualiti perkhidmatan yang telah ditetapkan seperti had usia bas berhenti-henti tidak melebihi 15 tahun manakala bas ekspres tidak melebihi 10 tahun, bas sekolah tidak melebihi 20 tahun dan teksi tidak melebihi 7 tahun .

iii. Menggalakkan *self regulatory* kepada pengusaha seperti pemasangan dan penggunaan teknologi *Global Positioning System* (GPS) untuk memantau laluan dan had laju.

iv. Menggalakkan pengusaha bas ekspres melaksanakan sistem e-*Ticketing* yang meliputi fungsi operasi dan penjualan tiket berkomputer dan maya.

v. Mewujudkan kelas perkhidmatan eksekutif untuk kelas lesen bas ekspres bagi memberi pilihan kepada pengguna memilih perkhidmatan yang lebih selesa.

vi. Memperketatkan syarat kelayakan permohonan lesen baru dan membaharui lesen berasaskan kepada kemampuan pengurusan syarikat, pelan keselamatan dan pengurusan pemandu.

vii. Mengenakan syarat pelesenan supaya semua syarikat pengangkutan awam mempunyai *fleet management system* masing-masing. Ini bertujuan bagi memastikan bukan sahaja syarikat pengangkutan awam mematuhi syarat-syarat pelesenan ke atas pengurusan kadar tambang dan laluan bahkan bertanggungjawab ke atas pengurusan latihan disiplin dan kecekapan pemandu, pengurusan aduan, kebajikan dan kadar upah pemandu dan memastikan piawaian keselamatan bas dan penumpang.

viii. Mengadakan program kursus dan latihan Asas Keusahawanan dan Kecemerlangan Imej Pemandu.

ix. Mengadakan Program Pewujudan Pemandu Profesional dan Kompeten dengan kerjasama Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Institut Pengangkutan Malaysia (MITRANS).

x. Mewajibkan penggunaan badan bas ECE R-66 yang mengikut piawaian antarabangsa.

Disediakan Oleh : **NOR NEKMAN BIN JAIMON** 22/4/2008
: **No.Tel. Pejabat : 03-88805478**
: **No. H/P : 019-2768803**

Disemak Oleh : **NAIMAH BINTI RAMLI** 23/4/08
: **No.Tel. Pejabat : 03-88805473**
: **No. H/P : 012-3250969**

Diluluskan Oleh : **ALWI BIN HAJI IBRAHIM** 23/4/08

ALWI BIN HJ. IBRA
Timbalan Ketua Setiausaha (Pen
Kementerian Pembangunan Usahawa

Soalan No: 66

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA: Y.B. TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN (PONTIAN)

PERTANYAAN : MULUT

TARIKH : 05.05.2008

Y.B. Tuan Haji Ahmad bin Haji Maslan (Pontian) minta Menteri Kewangan menyatakan adakah KWSP bercadang untuk membenarkan pencarum mengeluarkan simpanan untuk menunaikan Haji kepada pencarum beragama Islam. Jika untuk pembelian rumah kedua dan pengubahsuaian rumah dibolehkan mengeluarkan KWSP, apakah halangan yang tidak membolehkan penggunaan simpanan KWSP untuk menunaikan kewajipan ibadat Haji.

Jawapan

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kerajaan sedar bahawa menunaikan ibadat haji adalah penting untuk rakyat Malaysia yang beragama Islam. Bagi membolehkan kakitangan Kerajaan yang beragama Islam menunaikan ibadat haji, Kerajaan telah memberi keistimewaan cuti haji selama 40 hari dengan bergaji penuh sekali dalam

tempoh perkhidmatan. Bagi tujuan yang sama, Kerajaan juga telah menubuhkan Lembaga Tabung Haji bagi memberi kemudahan kepada orang-orang beragama Islam untuk menyimpan wang sedikit demi sedikit bagi membolehkan mereka yang berkemampuan untuk menunaikan ibadat haji.

2. Peranan dan fungsi KWSP adalah berbeza dengan Lembaga Tabung Haji di mana KWSP adalah sebuah skim persaraan berasaskan tabungan. Matlamat utamanya ialah untuk menyediakan simpanan yang mencukupi untuk tujuan persaraan pencarum. Namun begitu, ahli KWSP yang berumur 50 tahun hingga 54 tahun boleh mengeluarkan simpanan dalam Akaun II (30% daripada jumlah simpanan) di bawah pengeluaran 50 tahun untuk pelbagai tujuan termasuklah bagi tujuan mengerjakan ibadat haji.

Soalan No: 67

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

DARIPADA: DR. TAN SENG GIAW (KEPONG)

PERTANYAAN : MULUT

TARIKH : 05.05.2008

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan anggaran pertumbuhan ekonomi Malaysia dan dunia. Apakah faktor-faktor yang akan mempengaruhi pertumbuhan ini serta kemampuan negara untuk menghadapinya.

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

Kelembapan ekonomi Amerika Syarikat (AS) berikutan krisis pinjaman subprima, harga komoditi global yang terus meningkat dan ketidakpastian yang berterusan dalam pasaran kewangan global telah memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi dunia. Mengikut laporan terbaru Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), pertumbuhan global dijangka sederhana pada kadar 3.7% bagi tahun 2008, manakala pertumbuhan AS dijangka lebih rendah iaitu 0.5%. Negara-negara maju di kawasan Euro dan Jepun juga dijangka mengalami pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan. Walau bagaimanapun, ekonomi di rantau Asia dijangka terus kukuh disokong oleh pertumbuhan negara China dan India serta negara-negara yang pesat membangun.

Sebagai sebuah negara yang mengamalkan ekonomi terbuka, persekitaran yang tidak menentu ini sudah pasti memberi kesan kepada ekonomi negara melalui hubungan perdagangan dan pasaran kewangan. Walau bagaimanapun, dengan mengambil kira kelembapan ekonomi AS dan kesannya terhadap ekonomi maju lain serta ekonomi sedang pesat membangun, prestasi ekonomi negara dianggar terus mencatatkan pertumbuhan memberangsangkan pada tahun 2008, iaitu antara 5.0%-6.0%.

Tuan Yang di-Pertua,

Pasaran eksport Malaysia semakin pelbagai dan tidak hanya bergantung pada pasaran ke AS. Hampir 54% daripada jumlah eksport adalah ke ekonomi Asia manakala eksport ke AS berkurangan kepada 15.6% pada tahun 2007. Oleh itu, walaupun permintaan terhadap barangan eksport dar AS dijangka terjejas sedikit, namun permintaan kukuh terhadap barangan eksport terutamanya komoditi utama dari negara Asia termasuk China dijangka mampu mengurangkan kesan kemerosotan permintaan negara Amerika Syarikat. Peningkatan jumlah eksport barangan komoditi seperti kelapa sawit, minyak mentah dan gas asli telah dapat mengurangkan kesan kejatuhan eksport barangan perkilangan.

Tuan Yang di-Pertua,

Asas-asas ekonomi yang kukuh telah meletakkan Malaysia pada landasan yang teguh untuk menghadapi sebarang perkembangan global yang tidak dijangka. Kerajaan juga telah merangka beberapa langkah serta mempunyai pilihan dasar untuk bertindak balas tepat pada masanya jika diperlukan untuk menangani risiko pertumbuhan yang lebih perlahan bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi dalam negara.

Dalam Bajet 2008, Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai langkah berkaitan dasar cukai dan bukan cukai untuk meningkatkan daya saing negara, memperkasa pembangunan modal insan dan menjamin kesejahteraan rakyat. Antara langkah cukai yang dilaksanakan ialah mengurangkan cukai pendapatan korporat sebanyak dua mata peratusan dan memperkenalkan sistem cukai *single-tier*. Antara langkah bukan cukai yang dilaksanakan pula ialah mengukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan dengan meningkatkan kecekapan dalam kutipan hasil agar Kerajaan dapat mengekalkan defisit kepada 3.1% daripada KDNK pada tahun 2008. Pada tahun 2008, fokus dasar monetari adalah mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi dan kestabilan harga dalam jangka pertengahan dan jangka panjang.

Selain itu, pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, pembangunan kelima-lima koridor wilayah ekonomi akan membawa kemajuan yang lebih pesat dan seimbang yang mana akan memberi manfaat kepada seluruh lapisan masyarakat .

Tuan Yang dipertua,

Dengan asas ekonomi negara yang kukuh dan disokong oleh langkah-langkah monetari dan fiskal serta beberapa langkah baru yang akan diumumkan dan dilaksanakan pada tahun 2008, Kerajaan yakin dapat mengharungi sebarang perkembangan global yang tidak dijangka.

SOALAN NO : 68

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. TUAN LIM GUAN ENG (BAGAN)**
TARIKH	:	**5 MEI 2008**
SOALAN	:	**830**

Y.B. Tuan Lim Guan Eng (Bagan) minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pemohon kad pengenalan merah dan kerakyatan serta berapakah yang merupakan isteri/suami asing (pecahan berasingan) yang berkahwin dengan rakyat Malaysia. Apakah sebabnya pasangan asing tersebut tidak dapat diluluskan taraf penduduk tetap ataupun hak kewarganegaraan begitu lama.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Bagan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebelum seseorang itu layak mengemukakan permohonan Taraf Pemastautin Tetap melalui pengeluaran kad pengenalan Taraf Pemastautin Tetap atau MyPR, mereka hendaklah memperoleh permit masuk yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen terlebih dahulu. Sehingga Disember 2007 permohonan permit masuk bagi mendapatkan taraf pemastautin tetap daripada isteri kepada warganegara Malaysia ialah sebanyak 16,966 permohonan manakala permohonan isteri asing yang mengemukakan permohonan kewarganegaraan ialah sebanyak 3,027 permohonan. Pihak Kementerian ini tidak dapat memberikan statistik berhubung permohonan taraf pemastautin tetap dan kewarganegaraan suami asing yang berkahwin dengan isteri warganegara Malaysia kerana permohonannya tidak direkodkan mengikut status taraf kewarganegaraan isteri.

Berhubung sebab-sebab pasangan asing yang berkahwin dengan warganegara Malaysia sukar atau mengambil masa untuk mendapatkan taraf pemastautin tetap

dan taraf kewarganegaraan, ingin saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kedua-dua taraf ini bukanlah merupakan hak atau keistimewaan selepas sesuatu perkahwinan antara warganegara dan orang asing itu berlaku. Selain daripada memenuhi syarat kelayakan yang telah ditentukan oleh undang-undang yang terdapat di negara ini, pemohon juga dikehendaki membuktikan bahawa taraf tersebut akan dihargai dan dipergunakan sebaik yang mungkin untuk memberi sumbangan kepada Bangsa dan Negara serta dapat mencurahkan kesetiaannya kepada negara ini.

Pemberian taraf ini adalah merupakan anugerah yang tertinggi kerajaan kepada orang-orang asing yang menetap di negara ini. Keputusan sesuatu permohonan itu adalah tertakluk kepada merit dan budi bicara pihak berkuasa yang bertanggungjawab. Oleh yang demikian tidak wajar jika ada tempoh yang diberikan kepada kerajaan bagi menimbang sesuatu permohonan. Ini adalah disebabkan oleh setiap permohonan memerlukan penelitian yang rapi dan terperinci sebelum keputusan dibuat.

NO: 69

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**Bagi Jawab Lisan**
DARIPADA	:	**Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]**
TARIKH	:	**5 Mei 2008 (Isnin)**
SOALAN	:	**69**

Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah jumlah wang Kerajaan Persekutuan yang telah dibelanjakan di dalam Projek Zon Bebas Pelabuhan Klang dari peringkat awal dan pulangan yang diperoleh daripada projek tersebut setakat ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga berakhir 31 Mac 2008, Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) telah membayar RM 238 juta untuk pembelian tanah Zon Bebas Pelabuhan Klang dan RM 480 juta untuk pembangunan zon bebas berkenaan.

Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) bermula operasi pada bulan November 2006 dan sehingga 31 Mac 2008 telah menerima pulangan sebanyak RM 11.8 juta dari operasi komersialnya. Sehingga kini, PKFZ telah berjaya menarik 47 buah syarikat untuk beroperasi di zon bebas itu dengan nilai pelaburan iaitu RM 748 juta. Di samping itu, PKFZ juga telah berjaya menawarkan 972 pekerjaan.

Dalam tempoh yang singkat dari Mei 2007 sehingga Disember 2007, PKFZ telah menjanakan sebanyak 1,561 kontena tambahan kepada Pelabuhan Barat (Westports). Prestasi tahun ini amat menggalakkan di mana untuk 3 bulan pertama iaitu dari Januari sehingga Mac 2008, PKFZ telah menjanakan sebanyak 1,347 kontena.